



Hujung Minggu

فليتا برunei

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.20 | DUHA 6.44 | ZUHUR 12.16 | ASAR 3.38 | MAGHRIB 6.10 | ISYAK 7.25 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 150

14 DISEMBER 2024 / 1446 12 جمادى الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانيسن ايمان MANISNYA IMAN

"ORANG-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 20.

YTM ADAKAN LAWATAN KE KESULTANAN OMAN

Siaran Akbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

KESULTANAN OMAN, Rabu, 11 Disember. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah berangkat mengadakan lawatan ke Kesultanan Oman pada 8 hingga 10 Disember 2024 bagi memperingati Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kesultanan Oman.

>> Muka 3



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mengadap ke hadapan majlis His Majesty Sultan Haitham bin Tarik, Sultan of the Sultanate of Oman di Al Barakah Palace pada 9 Disember 2024.

ETP :
Menyediakan
lawatan,
aktiviti
pendidikan
alam
semula jadi

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

TUNGKU, Khamis, 12 Disember. - Pusat Penyelidikan Botani, Universiti Brunei Darussalam (UBD BRC) kini menawarkan peluang pengunjung tempatan dan antarabangsa untuk meneroka taman botani pertama dan satu-satunya di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Paket Pelancongan Pendidikan (Educational Tourist Packages-ETP) yang baru dilancarkan hari ini.

UBD BRC yang meraikan Ulang Tahunnya Ke-6 pada awal tahun ini, kini meluaskan jangkauannya kepada semua pengunjung melalui ETP UBD BRC, dengan menawarkan pengalaman pendidikan unik dengan memperkenalkan kekayaan biodiversiti flora NBD dan hutan Kerangas yang jarang ditemui.

>> Muka 6

5 buah rumah bantuan bakal dibina

Oleh : Aimi Sani

TEMBURONG, Jumaat, 13 Disember. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pagi tadi mengadakan Majlis Memulakan Tiang Rumah-rumah Bantuan bagi Projek Pembinaan Lima Buah Rumah Bantuan Baharu di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait dan Daerah Temburong di bawah Bantuan Skim Perumahan YSHHB Tahun 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis ini ialah

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pengaruh YSHHB.

Majlis bermula di tapak pembinaan bagi salah seorang penerima rumah bantuan, Dayang Rokiah anak Pagan bertempat di 1076 C, Kampung Amo B, Jalan Batang Duri, Daerah Temburong.

>> Muka 3

Program KTB : Medan peminat motosikal, basikal kongsi pengalaman, pengetahuan

Oleh : Khartini Hamir

TEMBURONG, Jumaat, 13 Disember. - Bersempena musim cuti persekolahan dan Brunei December Festival, Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Temburong, Persatuan Motosikal Temburong dan Temburong Pedallers dengan Kerjasama Jabatan Daerah Temburong mengadakan Program Ke Temburong Bisai (KTB) Edisi Borneo Bike Gathering.

Program KTB Edisi Borneo Bike Gathering

merupakan acara kemuncak program KTB bagi 2024.

Hadir menyempurnakan Majlis Pelancaran program berkenaan yang berlangsung di Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar, di sini, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku tetamu kehormat majlis.

>> Muka 4



Berita Utama



NBD-Jepun lanjutkan tempoh pengecualian visa

Muka 6



ADMM-Plus EWG on PKO Ke-19 tutup tirai

Muka 8



PROGRAM Sivik NBD beri pengalaman, maklumat bermanfaat

Muka 10



RENCANA

RR Catiosmith hasil kerja tangan anak tempatan

Muka 20

Sambutan Hari Kebangsaan sentiasa terapkan teras kebruneian, berlandaskan MIB

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen
Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil
Anbiyaie Mursalin
Saidina Muhammaddin Wa'ala
Alihi Wasahbihi Ajma'in
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
dan salam sejahtera

ALHAMDULILLAH, dengan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alai, kita dapat berkumpul pada pagi ini untuk bersidang bagi Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025. Terlebih dahulu peramba / kaola / saya bagi pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025, dengan penuh hormat dan takzim suka cita menyembangkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah perkenan Baginda bagi penubuhan Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025.

Dalam kesempatan ini, peramba / kaola / saya merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan ribuan terima kasih atas keberangkatan Yang Amat Mulia dan kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri yang dilantik, Yang Mulia Timbalan-timbalan

Menteri, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Yang Mulia Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Mulia Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Pengiran-pengiran, Yang Mulia Dato-dato, Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan pada pagi ini di atas komitmen dan tanggungjawab terhadap tugas besar ini. Setinggi-tinggi tahniah turut disembahkan dan dirakamkan atas pelantikan Yang Mulia Pengerusi - pengerusi Bersama, Timbalan-timbalan Pengerusi Bersama dan para Ahli dalam menganggotai Jawatankuasa Tertinggi ini.

Alhamdulillah, sekali lagi, jawatankuasa tertinggi ini telah diberikan amanah untuk merancang dan seterusnya melaksanakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-41 bagi Tahun 2025.

Kejayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40 tahun ini menjadi bukti patriotisme dan kesepakatan rakyat Brunei. Acara yang penuh warna-warni dan kemeriahannya telah membawa kegembiraan kepada seluruh lapisan masyarakat sambil menonjolkan semangat Melayu Islam Beraja yang menjadi tunjang negara kita. Pendekatan Senegara (Whole of Nation Approach) yang kita gunakan jelas menunjukkan keberkesanannya dan peramba / kaola / saya yakin pendekatan ini akan terus menjadi landasan utama kita.

Kejayaan sambutan ini adalah hasil daripada kesungguhan dan perpaduan semua pihak daripada pelajar sekolah, golongan belia, hingga pegawai-pegawai di sektor kerajaan dan swasta. Semangat

gotong-royong, keikhlasan, dan rasa bangga terhadap negara jelas terpancar di sepanjang sambutan berkenaan.

Kita juga hendaklah rasa bersyukur kerana masih berpeluang untuk mengadakan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 pada tahun 2025 akan datang ini. Mudah-mudahan ia akan dapat menyuntik semangat kenegaraan dan kekitaan bagi rakyat dan penduduk di negara ini agar kita sentiasa mengekalkan keharmonian, perpaduan dan mengekalkan persefahaman sesama kita.

Dalam pada itu, bagi memastikan kelancaran upacara Sambutan Hari Kebangsaan yang Ke-41, maka adalah berpatutan untuk ia diraikan dengan keceriaan dan kemeriahannya yang sama. Ini adalah antara tujuan lantikan-lantikan pengerusi bersama dan ahli jawatankuasa tertinggi pada kali ini dihasratkan akan dapat sekali lagi menerapkan Pendekatan Senegara dalam apa jua perancangan dan persiapan bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 ini nanti. Apa yang dihasratkan juga adalah penyertaan yang signifikan dalam jumlah peserta khususnya para pelajar dan murid agar dapat menyuntik semangat patriotisme dan ketaatsetiaan dalam golongan generasi baharu. Ia juga memberikan mereka peluang untuk menjadi sebahagian daripada sejarah agar dijadikan sebagai kenangan, ristaan dan kebanggaan mereka. Tidak terkecuali juga penyertaan dari sektor kerajaan dan bukan kerajaan sebagai tanda bersyukur kita menikmati hidup yang aman damai, sejahtera dan harmoni.

InsyaaAllah, Upacara Perhimpunan Agung



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad semasa berucap pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 pada Isnin, 16 Jamadilawal 1446 Hijrah bersamaan 18 November 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Digadong, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

nanti akan dilaksanakan dengan format yang sama seperti tahun-tahun sebelumnya dengan beberapa cadangan-cadangan pembaharuan. Oleh itu, kita akan merancang keraian ini berdasarkan pengalaman-pengalaman yang lalu dengan beberapa penambahbaikan dan menambah nilai baharu agar perhimpunan ini juga akan menjadi peristiwa yang istimewa dan sentiasa segar dalam ingatan semua lapisan masyarakat.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER MASIH	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14	SABTU	12	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
15	AHAD	13	4.47	4.57	6.20	6.44	12.16	3.38	6.11	7.25
16	ISNIN	14	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
17	SELASA	15	4.48	4.58	6.21	6.45	12.17	3.39	6.12	7.26
18	RABU	16	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
19	KHAMIS	17	4.49	4.59	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
20	JUMAAT	18	4.49	4.59	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13	7.28

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan  30 °C 24 °C	 32 °C 25 °C	 32 °C 25 °C
Pekan Bangar  29 °C 25 °C	 32 °C 24 °C	 32 °C 24 °C
Pekan Tutong  29 °C 24 °C	 31 °C 24 °C	 31 °C 25 °C
Kuala Belait  28 °C 24 °C	 30 °C 24 °C	 30 °C 25 °C

www.mef.gov.bn

Wallahu alam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 14 DISEMBER 2024

Manfaatkan cuti sekolah, hadkan penggunaan peranti elektronik

MUSIM cuti sekolah merupakan saat yang dinantikan bukan sahaja oleh pelajar-pelajar tetapi juga ibu bapa mereka kerana pada masa inilah ibu bapa dan anak-anak akan dapat meluangkan lebih banyak masa bersama dan melakukan aktiviti-aktiviti riadah, berehat ataupun aktiviti yang digemari seisi keluarga. Pada musim cuti sekolah ini ada baiknya juga ibu bapa atau penjaga mengambil masa ini untuk melatih anak-anak untuk mengehadkan penggunaan peranti elektronik dan mengingatkan mereka akan keburukan akibat terlalu banyak menghabiskan masa menggunakan peranti elektronik seperti telefon pintar, tab, laptop dan sebagainya.

Antara kesan negatif penggunaan peranti elektronik terutama sekali peranti yang mempunyai skrin ialah pendedahan kepada bluelight ataupun cahaya biru yang boleh mengirimkan isyarat kepada otak kita dan membingungkan tubuh kita menyebabkan kita sukar tidur pada waktu malam. Apabila kita sukar tidur pada waktu malam, masa tidur kita akan berkurangan menjadikan kita berasa letih, lesu dan tidak bertenaga pada waktu siang. Selain itu, apabila kita tidak memantau penggunaan peranti elektronik anak-anak kita, mereka mungkin akan terdedah kepada konten media yang tidak sesuai umur mereka atau konten media lain yang boleh memberi pengaruh negatif kepada mereka. Oleh itu, sebagai ibu bapa dan penjaga kita perlu mendisiplinkan anak-anak dan memantau penggunaan peranti elektronik mereka dan menegaskan supaya mereka mematuhi had masa diberikan apabila menggunakan peranti elektronik.

Untuk membiasakan anak-anak supaya tidak bergantung kepada penggunaan peranti elektronik ibu bapa boleh merancang untuk mereka aktiviti-aktiviti bebas peranti elektronik seperti membawa anak-anak beriadah dan melawat tempat-tempat menarik, ikut serta dalam program-program cuti sekolah yang menggabungkan aktiviti fizikal berunsur sukan, aktiviti melatih kecerdasan berfikir, merangsang kreativiti ataupun aktiviti-aktiviti yang boleh mengajar mereka nilai-nilai seperti kepimpinan. Ibu bapa juga boleh mengajak anak-anak untuk bermain mainan yang berunsurkan pendidikan yang akan menggalakkan mereka untuk berfikir secara kritis dan menyelesaikan masalah seperti teka-teki, permainan perkataan dan permainan papan. Permainan seperti ini akan dapat membantu membina kemahiran menyelesaikan masalah anak-anak.

Ibu bapa juga boleh memanfaatkan cuti sekolah dengan mengajak anak-anak untuk sama-sama melakukan aktiviti seperti bergotong-royong, membersih dan mengemas halaman rumah dan dalam rumah. Aktiviti seperti ini akan semestinya mengajar anak-anak untuk menjaga kebersihan dan menghargai rumah sebagai tempat tinggal yang harus dijaga dan dihormati. - Ketua Penyuntingan PB (Nr)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

YTM adakan lawatan ke Kesultanan Oman

>> Muka 1

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna telah mengadap ke hadapan majlis His Majesty Sultan Haitham bin Tarik, Sultan of the Sultanate of Oman di Al Barakah Palace pada 9 Disember 2024. Semasa Majlis Mengadap tersebut, kedua-dua pihak menyatakan rasa puas hati dengan pencapaian kerjasama di sepanjang tempoh 40 tahun hubungan dua hala dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan, pendidikan dan pertukaran rakyat.

Pada sebelah malam, Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri Majlis Resepsi bersempena Ulang

Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara NBD dan Kesultanan Oman di Al Bustan Palace Hotel, Muscat yang dihoskan bersama oleh Kedutaan Besar NBD di Muscat, Kesultanan Oman dan Kementerian Luar Negeri Kesultanan Oman.

Turut hadir semasa Majlis Resepsi berkenaan ialah Menteri Luar Negeri Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Sayyid Badr bin Hamad bin Hamood Albusaidi; Menteri Penerangan Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dr. Abdullah bin Nasser bin Khalifa Al-Harrasi; pegawai kerajaan daripada kedua-dua buah negara dan warganegara NBD yang berada di Kesultanan Oman.

Resepsi berkenaan turut

mempamerkan Persembahan Kebudayaan daripada kedua-dua buah negara.

Semasa lawatan berkenaan, YTM juga turut berangkat mengadakan lawatan ke The National Museum dan ke Royal Opera House Muscat.

NBD dan Kesultanan Oman menjalin hubungan diplomatik pada 24 Mac 1984 dan kedua-dua buah negara menikmati kerjasama yang sangat baik dalam perdagangan dan pelaburan, pendidikan, pertahanan dan pertukaran rakyat.

YTM diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheheria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan berangkat menghadiri Majlis Resepsi bersempena Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman.

5 BUAH RUMAH BANTUAN BAKAL DIBINA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Memulakan Tiang Rumah-rumah Bantuan bagi Projek Pembinaan Lima Buah Rumah Bantuan Baharu di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait dan Daerah Temburong di bawah Bantuan Skim Perumahan YSHHB Tahun 2024. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas dan bawah).

>> Muka 1

Sebanyak lima buah rumah bantuan akan dibina di bawah projek ini. Tiga buah rumah di Daerah Temburong dikontrakkan kepada Syarikat The Ruman Power Co, manakala satu buah rumah masing-masing di Daerah Belait dan Daerah Brunei dan Muara dikontrakkan kepada Syarikat Impian Reka Bina Sendirian Berhad.

Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2025 dan merangkumi dua jenis banglo iaitu



Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

sebuah banglo dengan dua bilik tidur dan sebuah banglo dengan tiga bilik tidur.

Reka bentuk rumah bantuan YSHHB adalah lebih moden dan mengikut teknologi semasa, setara dengan keperluan rumah kos rendah. Pembinaan ini juga dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat, memastikan penerima dapat mendiami rumah mereka dengan selesa sebelum menjelangnya Hari Raya.

Rumah - rumah bantuan ini dikhususkan kepada rakyat yang kurang berkemampuan, terutamanya mereka yang tinggal di kediaman yang daif dan tidak selamat untuk didiami. Ia bertujuan memberikan peluang kepada penerima dan keluarga mereka untuk memperbaiki taraf hidup dari segi sosial, ekonomi dan kesejahteraan keseluruhan.

Turut hadir, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan juga Pengurus Jawatankuasa Meneliti Bantuan YSHHB.

YSHHB ialah sebagai wadah

amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Antara tujuan utama penubuhan YSHHB adalah untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat, termasuk memberikan pemedulian terhadap keperluan asasi seperti tempat tinggal yang sempurna kepada golongan yang memerlukan. Projek pembinaan rumah bantuan ini merupakan salah satu inisiatif YSHHB dalam mencapai matlamat tersebut.

Juga turut hadir pada majlis ini, Ahli-ahli Jawatankuasa Meneliti Bantuan - bantuan YSHHB; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB; pegawai-pejawai dan kakitangan kerajaan yang berkenaan serta YSHHB.

Integrasi JPMC, PJSC tingkatkan kualiti penjagaan kesihatan

Siaran Akhbar : Pusat Perubatan Jerudong Park

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Disember. – Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) dengan sukacitanya mengumumkan penyepaduan strategik mereka, berkuat kuasa bermula 1 Januari 2025.

Pencapaian penting dalam landskap penjagaan kesihatan negara ini akan menubuhkan tiga pusat kecemerlangan sebagai jabatan pakar di bawah JPMC iaitu Pusat Kanser Brunei (The Brunei Cancer Centre - TBCC), Pusat Pemulihan dan Strok Neurosains Brunei (BNSRC) dan Pusat Maksilosafial, Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif Wajah (MFPSC).

Pusat-pusat khusus ini akan meletakkan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai destinasi penjagaan kesihatan terkemuka di rantau ini. Peralihan ini mewakili anjakan transformatif dalam penyampaian penjagaan kesihatan untuk NBD, sejarah dengan matlamat negara untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia dan meningkatkan kualiti hidup untuk rakyatnya.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengurus JPMC dan PJSC menyatakan integrasi ini menandakan satu lembaran baharu dalam perjalanan penjagaan kesihatan negara.

"Dengan menyatukan kekuatan JPMC dan PJSC, kami mewujudkan *patient-centered healthcare hub* yang komprehensif yang akan memacu inovasi, meningkatkan hasil dan menyumbang kepada landskap penjagaan kesihatan serantau".

Integrasi PJSC ke dalam JPMC membuka jalan kepada pelbagai kelebihan untuk landskap penjagaan kesihatan NBD. Dengan menggabungkan kapakaran dan sumber kedua-dua institusi, penjagaan pesakit akan ditingkatkan melalui pendekatan kolaboratif dan penerapan rawatan termaju. Integrasi ini juga meletakkan NBD sebagai destinasi menarik untuk pelancongan perubatan, seterusnya menyokong usaha mempelbagaikan ekonomi negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Selain itu, institusi ini akan mewujudkan sebagai hab terkemuka untuk inovasi perubatan dan pembangunan profesional, menawarkan persekitaran lanjutan dan peluang untuk profesional penjagaan kesihatan. Pesakit akan mendapat manfaat daripada akses lancar kepada rangkaian perkhidmatan penjagaan kesihatan khusus yang lebih luas, disokong oleh teknologi dan infrastruktur terkin.

Peralihan strategik ini juga akan memupuk kemajuan dalam beberapa bidang utama, termasuk inisiatif akademik dan penyelidikan, memudahkan pemerolehan peralatan perubatan termaju dan pelaksanaan teknologi penjagaan kesihatan yang inovatif.

Integrasi itu akan meningkatkan lagi peluang pembangunan profesional untuk kakitangan penjagaan kesihatan dan mengukuhkan perkongsian antarabangsa, memastikan negara kekal di barisan hadapan dalam kecemerlangan penjagaan kesihatan serantau.

Proses peralihan telah pun bermula untuk memastikan pengalaman yang lancar dan lancar untuk pesakit, kakitangan dan rakan kongsi penjagaan kesihatan.

Integrasi penuh perkhidmatan ditetapkan pada 1 Januari 2025. Kedua-dua JPMC dan PJSC kekal komited sepenuhnya untuk mengekalkan kesinambungan penjagaan dan akan memaklumkan kepada semua pihak berkepentingan sepanjang tempoh transformasi ini.

Program KTB : Medan peminat motosikal, basikal kongsi pengalaman, pengetahuan



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Juga hadir sama ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC; Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dan

Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, yang juga Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-piasau, Daerah Temburong selaku Pengerusi Bersama Program KTB Edisi Borneo Bike Gathering dalam ucapan alu-aluannya menggariskan pada edisi kali ini memfokuskan kepada para peminat motosikal dan basikal dari

Negara Brunei Darussalam dan Kepulauan Borneo berkumpul dan berkongsi kemahiran serta pengalaman mengenai motosikal dan basikal di samping aktiviti yang akan ditawarkan.

Antara objektif program pula adalah untuk menarik para pengunjung dari dalam dan luar negara, selain memberi peluang kepada para pengusaha Majlis Perundingan Kampung (MPK) serta para pengusaha kecil dan sederhana dan untuk menjual serta mempromosikan produk kampung



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir selaku tetamu kehormat pada pelancaran Program Ke Temburong Bisai (KTB) Edisi Borneo Bike Gathering (atas dan atas kiri).

masing-masing.

Selain itu, menyediakan ruang dan platform bagi para peminat motosikal dan basikal untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam berbasikal dan bermotosikal.

Pelbagai aktiviti turut disediakan pada Edisi Borneo Bike Gathering kali ini antaranya jualan KTB, pameran, persembahan pentas KTB seperti tausyah, mukun,

liveband dan gulintangan, fun night ride, 9 to 4 looping, car boot sale, walkaton, glamping dan bike show event (convoy ride).

Program berkenaan berlangsung selama empat hari bermula Khamis, 12 Disember hingga Ahad, 15 Disember 2024 dari jam 8.00 pagi bertempat di sekitar Pekan Bangar.

PELUANG PERNIAGAAN INDIA TEROKAI LANDSKAP PELABURAN NBD



LEMBAGA Kemajuan Ekonomi Brunei menganjurkan Misi Pertukaran Perniagaan India yang pertama untuk meneroka peluang Pelaburan Langsung Asing di Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Disember. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) menganjurkan Misi Pertukaran Perniagaan India yang pertama untuk meneroka peluang Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment-FDI) di Negara Brunei Darussalam (NBD) dari 11 hingga 14 Disember 2024.

Delegasi yang terdiri daripada lebih 20 syarikat dari India berkenaan memanfaatkan faedah FDI yang diwujudkan oleh Seminar Pelaburan LKEB yang diadakan di Chennai pada 6 November 2024, bertepatan dengan penerbangan udara secara langsung yang julung kalinya antara NBD dan India melalui penerbangan Royal Brunei Airlines (RB) ke Chennai.

Kemuncak Misi Pertukaran berkenaan ialah Forum Pelaburan yang diadakan pada 11 Disember 2024 di Bangunan Reka Bentuk

& Teknologi (D&T), Kampung Anggerek Desa dengan delegasi India meneroka peluang pelaburan yang selaras dengan agenda kepelbagaian NBD melalui lima sektor keutamaannya iaitu minyak dan gas hilir, makanan, perkhidmatan, pelancongan dan ICT.

Pembentangan di forum berkenaan termasuk Pelan Induk Digital Brunei oleh Smart Nation Office di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, pengenalan kepada Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Companies-GLCs) di bawah Darussalam Assets, dan gambaran keseluruhan mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas Brunei oleh Bahagian Perdagangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Forum berkenaan diikuti dengan sesi pertemuan rangkaian dengan Delegasi India untuk memudahkan

kerjasama, yang disusun mengikut sektor-sektor keutamaan dengan pemegang kepentingan utama NBD termasuk perniagaan tempatan, pengawal selia dan agensi sokongan.

President of the Indian Economic Trade Organisation (IETO), Dr. Asif Iqbal, menyatakan lawatan delegasi berkenaan sebagai inisiatif timbal balik yang dibina atas dasar yang telah dibentuk melalui pertemuan antara pemimpin NBD dan India pada September lalu ketika pertemuan pertama oleh Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi yang mengadakan Lawatan Rasmi ke NBD.

"Lawatan Perdana Menteri Republik India ke NBD benar-benar meletakkan NBD di peta untuk rakyat India.

"Dari situ, kami telah melihat pintu terbuka, pertama dengan penerbangan (ke Chennai), dan kini dengan LKEB meneruskan penglibatan strategik ini.

"Selepas LKEB menganjurkan seminar mereka di Chennai, syarikat-syarikat India ingin melihat NBD secara langsung dan delegasi ini adalah pelbagai, dengan syarikat-syarikat dalam sektor yang berbeza.

"Saya gembira dengan LKEB dalam memudahkan pertanyaan kami dan memadankan kami dengan bakal rakan kongsi," kata Dr. Asif Iqbal.

Dr. Asif Iqbal seterusnya menambah bahawa IETO yang mewakili rangkaian lebih 800 perniagaan India, termasuk perniagaan yang dikendalikan oleh diaspora yang beroperasi di peringkat antarabangsa, akan memudahkan lebih ramai ahli melawat NBD dalam masa

Siaran Akhbar dan Foto : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

terdekat.

"Ini adalah lawatan pertama saya ke NBD dan hanya dari lawatan ini, kami sudah mempunyai beberapa syarikat India yang sedang membangunkan cadangan untuk ditubuhkan di sini.

"Sebabnya ialah kami melihat NBD sebagai pangkalan, terutamanya bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) India untuk berkembang dan berkhidmat kepada pasaran Asia Tenggara yang lebih luas. Delegasi kagum dengan persekitaran NBD yang bersih dan hijau, tidak sesak dan bahasa Inggeris juga dituturkan secara meluas.

Peraturan perniagaan dan cukai nampaknya menguntungkan dan dengan LKEB, kami mempunyai rakan kongsi yang komited untuk membantu

memudahkan proses itu," ujarnya lagi.

Majlis Makan Malam menggalu-alukan misi berkenaan diadakan pada 11 Disember 2024 di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong dan dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Lew bin Abdullah selaku Pengerusi LKEB.

Sepanjang lawatan mereka, syarikat-syarikat India juga mengadakan pertemuan dan lawatan tapak untuk membincangkan kepentingan pelaburan tertentu selain meneroka peluang yang disesuaikan.

Pertemuan berkenaan menyediakan akses terus kepada wakil kerajaan dan perniagaan tempatan, memupuk dialog dan meneroka potensi kerjasama.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

كمترنن كمسختن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



MAJLIS RESEPSI ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN QATAR



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi yang berlangsung di Dewan Royal Berkshire (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



JERUDONG, Rabu, 11 Disember. - Kedutaan Besar Qatar di Negara Brunei Darussalam (NBD) meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Qatar pada Majlis Resepsi yang berlangsung di Dewan Royal Berkshire, Tarindak D'Polo, di sini.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan. Sementara itu, mewakili Qatar

ialah Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Qatar ke NBD, Saeed Mansour Al-Qahtani.

Dalam meraikan ulang tahunnya yang ke-33, hubungan diplomatik antara NBD dan Qatar terus berkembang menjadi perkongsian yang harmoni.

Qatar menyambut Hari Kebangsaannya setiap tahun pada 18 Disember dan tahun ini slogan rasmi untuk Hari Kebangsaan Qatar 2024 ialah 'Together We Rise'. Ungkapan yang kuat dan memberi inspirasi yang melambangkan daya tahan, kemajuan dan visi bersama Qatar untuk masa depan.

Hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara telah ditubuhkan pada 2 Oktober 1991, yang mana hubungan ini telah berkembang pesat, ditandai dengan komitmen bersama

terhadap pertumbuhan pelbagai aspek dan saling menghormati.

Ia merangkumi komitmen negara berkenaan terhadap perpaduan, keterangkuman dan pertumbuhan berterusan dalam membina pencapaiannya merentasi pelbagai sektor, termasuk pendidikan, teknologi dan kemampanan.

Selama bertahun-tahun, kedua-dua negara telah menandatangani beberapa perjanjian kerjasama bagi meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang. Tambahan lagi, kunjungan His Highness the Father Amir Sheikh Hamad bin Khalifa Al Thani ke negara ini pada Januari 2012 merupakan salah satu peristiwa penting mengukuhkan lagi hubungan yang kekal antara kedua-dua negara.

Memperkuatkan strategi pelaksanaan Rangka Kerja ASEAN RAI




YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara mewakili Negara Brunei Darussalam pada Bengkel dalam talian AIPA-FAO-IISD 3rd Joint Event (atas dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Disember. – Bengkel dalam talian AIPA-FAO-IISD 3rd Joint Event telah disertai oleh lebih daripada 30 peserta dari kalangan ahli parlimen ASEAN, pakar teknikal dan rakan strategik serantau untuk berbincang mengenai pelaburan mampan.

Dengan tema 'Championing ASEAN RAI : Parliamentary Leadership and Partnerships for Sustainable Investment in Food, Agriculture, and Forestry Sectors', bengkel berkenaan menjadi platform penting untuk memperkuatkan strategi pelaksanaan Rangka Kerja ASEAN RAI.



Sesi interaktif yang diadakan membuka ruang kepada idea dan kerjasama baharu, dengan

tumpuan kepada usaha memastikan keselamatan makanan, pengurusan sumber lestari dan daya tahan ekonomi di rantau ini.

Bengkel berkenaan menandakan langkah penting ke arah mewujudkan ASEAN yang lebih bersedia untuk menangani cabaran global melalui pelaburan

bertanggungjawab.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman secara dalam talian.

NBD-Jepun lanjutkan tempoh pengecualian visa



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Rabu, 11 Disember. - Acara Resepsi bagi Meraikan Pelanjutan Tempoh Pengecualian Visa antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun juga telah diadakan lewat petang tadi di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Hadir pada acara tersebut ialah Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Maeda Toru.

NBD telah memperkenalkan pengecualian visa yang baharu bagi tempoh tidak melebihi 30 hari untuk lawatan jangka pendek bermula 10 Disember 2024 kepada

rakyat Jepun yang memegang Pasport Jepun yang sah.

Dalam masa yang sama, Jepun juga memberikan pengecualian visa bagi rakyat NBD yang memegang Pasport NBD yang sah bagi tempoh tidak melebihi 30 hari juga untuk lawatan jangka pendek.

Langkah timbal balik ini melanjutkan tempoh pengecualian visa dari 14 hari hingga 30 hari. Langkah tersebut akan membolehkan lebih ramai pelancong Jepun mengunjungi NBD terutama bagi pelancongan pendidikan.

Salah seorang pengunjung dari Jepun, Takumi Matsuzaki berkata, beliau berasa gembira kerana pelanjutan tempoh visa berkenaan



PEMANGKU Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh hadir pada acara tersebut. Turut hadir, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kiri).

membolehkan beliau berada di negara ini selama lebih dua minggu.

Beliau yang telah mengunjungi NBD selama beberapa kali atas urusan kerja ini berharap agar lebih ramai rakyat Jepun akan mengunjungi serta melawat tempat-tempat menarik dan mengenali budaya di negara ini.

NBD dan Jepun meraikan Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik pada tahun ini. Langkah pelanjutan tempoh visa tersebut diharap akan lebih menyumbang kepada

pembangunan rakyat-ke-rakyat dan pertukaran budaya serta menghidupkan lagi hubungan perniagaan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

SALAH seorang pengunjung dari Jepun, Takumi Matsuzaki.



ETP : MENYEDIAKAN LAWATAN, AKTIVITI PENDIDIKAN ALAM SEMULA JADI



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir pada Majlis Pelancaran Paket Pelancongan Pendidikan (Educational Tourist Packages-ETP) (atas dan kanan).



PENGARAH Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER) UBD, Dr. Hussein bin Haji Taha semasa berucap.

>> Muka 1

Dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), ETP UBD BRC berkenaan juga akan menyediakan lawatan dan aktiviti pendidikan yang menarik, memperkenalkan koleksi tumbuh-tumbuhan hidup UBD BRC dan koleksi lebah tanpa sengat (*stingless bee*) serta projek pemuliharaan dan penyelidikan utama pusat berkenaan.

Pelancaran pakej berkenaan yang berlangsung di UBD BRC disempurnakan oleh Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Dalam ucapan alu-aluannya pada majlis berkenaan, Pengarah Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER) UBD, Dr. Hussein bin Haji Taha menekankan bahawa UBD BRC merangkumi komitmen UBD ke arah melindungi dan berkongsi warisan semula jadi NBD.

Beliau juga turut mengongsikan bahawa ETP yang baru dilancarkan berkenaan telah direka dengan teliti untuk memberikan pengalaman pengunjung yang lebih baik dengan jurupandu berpengalaman.

Para pengunjung ke UBD BRC boleh memilih pakej asas, yang termasuk 'Perjalanan Melalui Alam Semula Jadi : Lawatan Taman Botani UBD' iaitu lawatan dengan jurupandu diketuai oleh ahli botani tempatan dan graduan UBD yang pakar dalam flora asli NBD.

Manakala pakej penuh termasuk lawatan dengan jurupandu dan menawarkan pengalaman pendidikan yang luas, meliputi aktiviti *hands-on* termasuk 'Green Thumb Experience – Repotting



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

and Transplanting Plants', 'Grow Your Own - The Magic of Plant Propagation', 'Biodiversity Treasure Hunt', dan 'Nature's Art – Leaf Stamping'.

Penggemar alam semula jadi bukan sahaja dapat menyaksikan keajaiban tumbuhan hijau di UBD BRC tetapi juga boleh mengetahui lebih lanjut tentang berkebun yang menyumbang kepada

usaha-usaha pemuliharaan.

ETP UBD BRC ini kini tersedia untuk tempahan, dengan pelbagai aktiviti menarik yang ditawarkan melalui Festival Disember Brunei Ke-8 (Brunei December Festival).

Maklumat lanjut, termasuk harga, tarikh dan butiran pakej, boleh diakses di laman sesawang UBD BRC di <https://brc.iber.ubd.edu.bn>.

AWANG MOHD. NUR IHSAN JOHAN PERTANDINGAN AZAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BUNUT, Khamis, 12 Disember. – Awang Mohd. Nur Ihsan bin Abdullah muncul johan dalam Pertandingan Azan Bagi Kanak-kanak Lelaki Berumur 9 Hingga 15 Tahun Peringkat Akhir sempena Mini Karnival Santai Keluargaku Kampung Bunut Perpindahan yang berlangsung malam tadi di Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut.

Manakala naib johan pula disandang oleh Awangku Ariez



HALUAN

>> Muka 2

InsyaaAllah, bagi mencapai objektif demikian, pada pagi ini, kita akan sama-sama mendengarkan perancangan Ahli Jawatankuasa Kerja dan seterusnya membincangkan konsep acara-acara Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-41, Tahun 2025. Secara keseluruhannya, perbincangan akan memfokuskan kepada laporan-laporan perkembangan serta cadangan-cadangan pihak urus setia dan setiap jawatankuasa kerja terhadap perkara yang memerlukan ketetapan para ahli khususnya mengenai persiapan yang sedang giat dilaksanakan, cadangan logo dan tema dan tarikh-tarikh raptai bagi upacara dan acara utama sambutan. Pada masa yang sama, mesyuarat juga akan membincangkan tatacara pelaksanaan dan jumlah keramaian bagi Upacara Perhimpunan Agung, Majlis Doa Kesukuran, Majlis Khatam 41 Kali, Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan serta acara-acara sampingan yang lain.

Namun apa yang paling penting, segala perancangan hendaklah mengambil kira semua aspek terutamanya dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan semua pihak. Ke arah ini, hasil post-mortem dari Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 juga akan diambil kira dengan sentiasa mengetengahkan suasana kegembiraan, kemeriahian dan semangat jitu orang-orang Brunei yang penuh patriotik.

Dengan buah fikiran yang holistik dan menyeluruh daripada semua ahli, peramba / kaola / saya amat yakin, Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-41 Tahun 2025 ini akan menyumbangkan pemikiran yang berasas, mantap lagi segar demi mencapai matlamat untuk menjayakan sambutan ini sebagai manifestasi semangat patriotisme yang tinggi lagi dihormati di persada dunia. Kerjasama dan komitmen semua pihak dalam menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan kali ini amatlah disanjung tinggi sebagai satu bangsa yang bersepadu dan bertamadun dan paling utama sekali, pelaksanaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan hendaklah terus berpegang teguh kepada nilai-nilai teras kebruneian dan berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Sebelum meneruskan ke agenda seterusnya, sekali lagi, peramba / kaola / saya suka cinta merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan ribuan terima kasih di atas keberangkatan dan kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi ke mesyuarat hari ini. Didoakan agar Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengurniakan petunjuk dan rahmat-Nya dalam usaha kita ke arah kelancaran persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-41 Tahun 2025. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Lumapas hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang (kanan), manakala gambar bawah kiri dan bawah tengah, antara peserta yang menyertai pertandingan.

dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kampung Bunut, Awang Haji Shari bin Awang Murat, diikuti dengan persembahan



laungan Azan oleh Awang Hazman bin Haji Ibrahim.

Majlis juga turut diserikan dengan Persembahan Tausyeh

daripada belia Masjid Kampung Bunut dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Shari.

Penerapan pendidikan digital untuk anak autistik



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa sesi bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Disember. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengesahkan komitmennya terhadap keterangkuman dan kebajikan masyarakat dengan menaja Inisiatif Pendidikan Digital untuk Kanak-kanak Autistik dengan nama kod Embrace Differences.

Inisiatif yang dilancarkan di Pusat SMARTER EDGE di Kampung Mata-Mata telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Mohammad Nazri bin Mohammad Yusof. Mewakili BIBD pada majlis tersebut ialah Dayang Norhayati binti Haji Abdi Manaf dan Dayang Siti Nur Halizatul Shifa binti Haji Md. Shahrin dari Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD.

Diterajui oleh Kumpulan NurRheiya sebagai sebahagian daripada program jangkauan komunitinya, Embrace Differences memperkenalkan platform pendidikan digital yang disesuaikan untuk meningkatkan kemahiran akademik, sosial dan

komunikasi untuk kanak-kanak autistik. Inisiatif ini selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG) 3, menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan yang baik dengan memupuk kesejahteraan mental dan emosi melalui sokongan pendidikan yang disesuaikan.

Penajaan BIBD termasuk penyediaan peranti dan perisian penting, membolehkan inisiatif ini menyampaikan pendidikan inklusif dan boleh diakses untuk kanak-kanak autisme, mencerminkan penjajarannya dengan UN SDG 4, yang menekankan pendidikan berkualiti untuk semua.

Dengan memastikan kanak-kanak kurang upaya mempunyai akses kepada alat dan sumber yang diperlukan untuk berjaya, inisiatif ini juga menyokong UN SDG 10, mengurangkan ketidaksamaan dan mempromosikan peluang yang sama untuk kanak-kanak dari semua kebolehan.

Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah

mengongsikan, "Di BIBD, kami percaya dalam mewujudkan peluang untuk semua kanak-kanak berjaya tanpa mengira keadaan mereka. Melalui inisiatif seperti ini, kami terus mengutamakan pendidikan, inovasi digital dan keterangkuman sebagai sebahagian daripada komitmen kami yang lebih luas untuk memberi kembali kepada masyarakat. Menyokong kesihatan mental dan fizikal masyarakat kita adalah penting dalam visi kami untuk membina masa depan yang mampu untuk Brunei".

Selain menyumbang kepada Pelan Induk Ekonomi Digital Brunei Darussalam 2025, projek ini menyokong aspirasi negara di bawah Wawasan Brunei 2035 dengan melengkapkan kanak-kanak autistik dengan kemahiran literasi digital yang penting untuk pekerjaan masa depan dan kehidupan sehari-hari.

BIBD kekal komited untuk mewujudkan perkongsian yang memacu inisiatif yang memberi impak, memastikan setiap anggota masyarakat berpeluang untuk berkembang maju dan menyumbang kepada kemajuan negara.

KONTINJEN SSEAYP SELAMAT TIBA KE TANAH AIR



PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim serta Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Belia dan Sukan berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara. Turut hadir, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (atas), manakala gambar bawah kanan, Kontinjen Negara Brunei Darussalam kembali ke tanah air selepas menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun ke-48 (SSEAYP 48) di Tokyo, Jepun.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Rabu, 11 Disember. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) seramai 15 belia dan seorang ketua kontinjen telah kembali ke tanah air selepas menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun ke-48 (SSEAYP 48) bermula pada 4 November yang lalu di Tokyo, Jepun.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara ialah Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim serta Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Belia dan Sukan.

Pada tahun ini, Kontinjen NBD

terdiri daripada Pegawai Belia dan Sukan, Syed Abdul Muiz bin Haji Syed Anayatullah Shah selaku Ketua Kontinjen, bersama 15 belia berumur antara 18 hingga 33 tahun yang diketuai oleh seorang Ketua Belia, Awang Mohammad Azid bin Haji Mohamed Sambas dan seorang Penolong Ketua Belia, Dayang Farah Naqibah binti Haji Abdul Rahim.

Program yang berlangsung selama 38 hari bermula dari Tokyo, Jepun tersebut belseyaran menggunakan Kapal Nippon Maru menuju ke Bandar Ho Chi Minh, Viet Nam; Jakarta, Indonesia dan berakhir di Tokyo,

Jepun. Para peserta program telah mengikuti pelbagai aktiviti yang disusun oleh negara-negara disinggahi seperti program perbincangan tajuk-tajuk utama yang diberikan, pertukaran budaya, sesi aktiviti selepas program, kunjung hormat, lawatan sambil belajar, interaksi bersama belia tempatan dan sebagainya.

Antara program yang menarik ialah program homestay di mana para peserta tinggal bersama keluarga angkat dan mengetahui secara lebih dekat akan gaya hidup serta budaya termasuk makanan yang popular di negara-negara tersebut.

Para peserta diharap beroleh ilmu, kemahiran dan pengalaman yang berguna serta boleh menjadi



inspirasi kepada para belia yang lain di samping dapat dan mengangkat nama baik NBD selaku Young Ambassador dalam program tersebut.

ADMM-Plus EWG on PKO Ke-19 tutup tirai



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



SEKITAR penutup Mesyuarat Kumpulan Kerja Pakar Operasi Pengaman Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Plus Ke-19 (19th ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus Experts' Working Group on Peacekeeping Operations-ADMM-Plus EWG on PKO) (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 11 Disember. - Mesyuarat Kumpulan Kerja Pakar Operasi Pengaman Menteri-menteri Pertahanan ASEAN Plus Ke-19 (19th ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus Experts' Working Group on Peacekeeping Operations-ADMM-Plus EWG on PKO) yang telah bersidang dari 9 November lalu berakhir dengan jayanya sehingga melabuh

tirainya hari ini.

Penutupan mesyuarat yang telah diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong dipengerusikan bersama oleh Ketua Pusat Doktrin dan Perperangan Bersama, Markas Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kolonel (U) Hismawadi bin Haji Mohd. Said dan Pegawai Kanan Pengaman J3, Jabatan

Staf Bersama, Tentera Pembebasan Rakyat China, Senior Colonel Zhang Qilin.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Pemangku Pengarah Dasar Pertahanan, Kementerian Pertahanan, Dayang Marina binti Abdullah Sitau berserta perwakilan daripada kedua-dua buah negara iaitu Negara Brunei Darussalam dan Tentera Pembebasan Rakyat

China.

Seramai 67 peserta telah menyertai mesyuarat tersebut yang terdiri daripada perwakilan Negara-negara ASEAN - Plus, Sekretariat ASEAN serta wakil dari Republik Demokratik Timor-Leste sebagai negara pemerhati.

Mesyuarat telah dimulakan dengan perkongsian Laporan ADMM-Plus EWG on PKO dari Pengurus Bersama

yang mengetengahkan beberapa aktiviti di sepanjang suku pertama kitaran Ke-5, 2024-2027.

Adapun mesyuarat itu merupakan salah satu aktiviti yang telah dirancang di bawah pelan kerja kitaran Ke-5 ADMM-Plus EWG on PKO yang membawakan tema 'Current Challenges and Future Development of United Nation Peace-Keeping Operations'.

PUPUK KESEDARAN PENTINGNYA MELESTARIKAN WARISAN BUDAYA



■ Berita dan Foto : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Disember. - Fajr Dahlia Co. dengan sokongan padu daripada Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB) serta kerjasama daripada Urban Brunei menganjurkan Pesona Warisan Brunei 2024 sempena Sambutan Festival Disember Brunei Ke-8 bertempat di The One, Batu Satu,

di sini.

Pesona Warisan Brunei 2024 merupakan satu perayaan yang bertujuan untuk memelihara serta meraikan kekayaan budaya dan warisan negara.

Acara yang berlangsung selama lima hari bermula 11 hingga 15 Disember 2024 ini, menawarkan pelbagai aktiviti menarik dan pengalaman interaktif yang dapat



dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Dengan tema 'Menghubungkan Generasi melalui Budaya', acara tersebut memberikan peluang kepada pengunjung untuk lebih mendekati seni, tradisi dan sejarah Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pembukaan perayaan tersebut ialah Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit.

Antara segmen utama sepanjang lima hari acara

berkenaan termasuklah Naung Niaga iaitu ruang yang diuruskan oleh DPPMB, mengetengahkan pelbagai produk tempatan daripada usahawan tempatan, Santai Street iaitu Platform kulinari dan gaya hidup yang memperkenalkan makanan, minuman dan perniagaan tempatan.

Selain itu, bengkel interaktif seperti aktiviti melukis batik dan pembuatan kuih tradisional turut diadakan di samping persempahan

PENGARAH Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pembukaan perayaan tersebut (kiri sekali dan kiri).

Teater Sejarah oleh Lakap Lagor Entertainment.

Dalam ucapan perasmian yang disampaikan oleh Dayang Siti Nurhaziah Omar selaku penganjur utama dan wakil Fajr Dahlia Co., melahirkan harapan agar acara berkenaan dapat menjadi platform untuk memperkuuhkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat serta memupuk kesedaran tentang pentingnya melestarikan warisan budaya tempatan.

Pesona Warisan Brunei 2024 dijangka menjadi platform penting untuk memupuk kesedaran budaya, menggalakkan perpaduan komuniti dan menyokong perkembangan perniagaan tempatan di negara.

Kerjasama sepadu memelihara warisan maritim



PEMANGKU Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus menghadiri persidangan video dalam talian bagi Pelancaran Pameran Digital SEA-Collections Project: Interpreting Shared Histories through Southeast Asian Maritim Collections yang diadakan secara hibrid.

■ Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Muzium-Muzium

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Disember. - Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus menghadiri persidangan video dalam talian bagi Pelancaran Pameran Digital SEA - Collections Project: Interpreting Shared Histories through Southeast Asian Maritim Collections yang diadakan secara hibrid.

Mesyuarat itu dirasmikan oleh Dr. Natali Pearson dari Pusat Asia Tenggara Sydney (SSEAC), Universiti Sydney manakala, ucapan perasmian diketuai oleh Carlo White dari Pusat ASEAN-Australia (AAC).

Pameran ini dijayakan atas sokongan Pusat ASEAN-Australia, Jabatan Hal Ehwal Luar dan Perdagangan,

Australia dengan sokongan tambahan daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Projek koleksi kolaboratif ini menghimpunkan pakar dari institusi seluruh Asia Tenggara untuk meraikan dan meningkatkan warisan maritim bersama rantau ini. Inisiatif ini adalah bukti kuasa kerjasama serantau dan antarabangsa dalam memelihara warisan budaya.

Dengan melibatkan muzium dan institusi kebudayaan di seluruh Asia Tenggara, ia bukan sahaja memperkaya pemahaman kolektif tentang sejarah maritim tetapi juga mengukuhkan kapasiti untuk mengurus dan mentafsir koleksi maritim sebagai khazanah budaya utama yang menghubungkan sejarah dan komuniti di seluruh rantau ini.

Darussalam (NBD), projek ini selaras dengan misi menjaga dan mempromosikan warisan maritim, menyumbang kepada usaha yang lebih luas untuk menonjolkan naratif budaya yang menyatukan rantau Asia Tenggara.

Pameran digital itu akan menguatkan lagi kisah Maritim NBD dengan memastikan tempatnya dalam dialog global mengenai pemeliharaan warisan.

Selain sumbangan daripada Australia, projek ini termasuk penyertaan daripada muzium-muzium di Thailand, Kemboja, Filipina, Indonesia dan NBD. Inisiatif ini mencerminkan komitmen bersama untuk memelihara dan mentafsir koleksi maritim sebagai khazanah budaya utama yang menghubungkan sejarah dan komuniti di seluruh rantau ini.

Pastikan keselamatan rumah semasa bercuti



SEBELUM keluar rumah kita hendaklah memastikan segala isi rumah dalam keadaan selamat dan baik terutama pintu, jendela, elektrik dan sebagainya.

■ Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Disember. - Bercuti adalah masa yang sesuai untuk melapangkan fikiran kerana ketika bercuti kita berpeluang untuk berehat dan melepaskan tekanan yang biasa kita alami dalam kehidupan sehari-hari.

Dengan bercuti juga memberi peluang kepada kita untuk berehat dari tugas-tugas harian dan melakukan aktiviti-aktiviti yang menggembirakan seperti melancong, bersantai di pantai atau mengunjungi ke tempat-tempat yang menarik di dalam negara maupun luar negara.

Sesiapa sahaja yang bercuti setentunya tidak mahu melepaskan peluang yang berharga ini kerana inilah masa yang sesuai untuk mereka berkumpul bersama-sama dengan keluarga, sanak saudara dan rakan-rakan.

Oleh itu, bagi mereka yang bercuti di dalam negara atau berhajat untuk melancong keluar negara adalah diingatkan untuk sentiasa berwaspada dan menjaga keselamatan rumah masing-masing.

Sebelum keluar rumah kita hendaklah memastikan segala isi rumah dalam keadaan selamat dan baik terutama pintu, jendela, elektrik dan sebagainya.

Apa yang penting, memastikan pintu dan jendela rumah ditutup rapat dan dikunci. Bahkan, kita juga hendaklah memastikan gas rumah dan elektrik sudah dimatikan (ditutup). Seterusnya, segala alat perkakas elektronik umpamanya televisyen, komputer dan peralatan lainnya hendaklah juga dimatikan.

Bagi yang memiliki pendingin hawa dan pemanas air (*water heater*) hendaklah dimatikan suisnya di samping memastikan rumah dan keliling rumah dalam keadaan bersih dan selamat.

Selain itu, kita hendaklah meninggalkan pesan kepada jiran apabila kita mahu bercuti di dalam negara atau pun luar negara dengan memberikan nombor telefon kepada mereka.

Ini adalah bertujuan untuk langkah berjaga-jaga darpada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku dalam rumah kita.

Dengan mengambil langkah-langkah tersebut, kita dapat merasakan bahawa rumah kita berada dalam selamat sepanjang bercuti.

PROGRAM SIVIK NBD BERI PENGALAMAN, MAKLUMAT BERMANFAAT



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini hadir pada Majlis Penyampaian Sijil Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2024/2025 (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Disember. - Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2024/2025 menutup tirainya petang tadi dengan Majlis

Penyampaian Sijil kepada 46 peserta yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini. Majlis dimulakan dengan



bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh peserta program, Awang Mohamad Sabiq bin Haji Sulaiman, graduan dari Ma'had Qiraat Shoubra Al-Azhar, Mesir.

Ketua Peserta Program Sivik, Awang Abdul Qawi@Ali Hariz bin Haji Ali Hassan, graduan dari Universiti Al-Azhar, Mesir dalam ucapannya antara lain menyatakan taklimat dan lawatan yang disediakan dalam program berkenaan amat komprehensif dan menyeluruh dalam membantu meningkatkan jati diri serta meningkatkan pengetahuan para peserta.

Sepanjang program berkenaan, para peserta berpeluang mendengarkan taklimat-taklimat dari Jabatan Penerangan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Mencegah Rasuah, Pusat Promosi Kesihatan, Cyber Security Brunei (CSB) dan Nextacloud Technologies Sdn. Bhd.

Para peserta juga mengikuti aktiviti berkumpulan dan sesi perkongsian serta membuat lawatan ke beberapa institusi dan organisasi seperti Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN), Tentera Udara Diraja Brunei dan Syarikat RAB Global Green Sdn. Bhd. sebagai sebahagian daripada pengisian rohani. Program berkenaan juga diselitkan dengan sembahyang berjemaah dan kuliah Maghrab.

Sebagai usaha untuk memupuk kesedaran sivik dan semangat kesukarelawanan dalam kalangan peserta, program berkenaan turut melibatkan aktiviti kerja kemasyarakatan dan penyampaian sumbangan barang-barang asasi.

Di samping memberi kefahaman dan maklumat mengenai falsafah, aspirasi dan matlamat negara, program berkenaan juga dirancang untuk mempersiapkan generasi masa hadapan sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan dengan memberikan pendedahan tentang nilai-nilai kenegaraan,



kepimpinan dan tanggungjawab sosial.

Awang Mohamad Sabiq bin Haji Sulaiman, graduan dari Ma'had Qiraat Shoubra Al-Azhar, Mesir ketika ditemui mengongsikan bahawa program berkenaan banyak membantu beliau serta peserta untuk menimba lebih banyak pengalaman dan maklumat yang berguna untuk mereka menerajui masa hadapan terutama sekali alam pekerjaan.

Selain itu, program berkenaan dihasratkan dapat memberikan pengalaman baharu kepada para peserta, termasuk memperkenalkan mereka kepada perbezaan sosiobudaya, fahaman, dan adat resam yang boleh mempengaruhi gaya hidup mereka.

Majlis penutup program diadakan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan dan turut dihadiri oleh para pegawai dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Para peserta program terdiri daripada graduan yang telah dan sedang menjalani pengajian tinggi di dalam negara termasuk Universiti Brunei Darussalam

(UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), dan juga para graduan dari luar negara yang sedang menjalani pengajian di Mesir, Malaysia dan United Kingdom serta mahasiswa dan mahasiswi dari Institut Pengajian Tinggi yang sedang menjalani penempatan kerja di Jabatan Penerangan.



AWANG Mohamad Sabiq bin Haji Sulaiman, graduan dari Ma'had Qiraat Shoubra Al-Azhar, Mesir.

**NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM**

Jangan Memandu Laju Sentiasa Berwaspada

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt No mobile phones while driving Speeding is dangerous Do not drive under influence Wear helmet and proper attire while riding Always watch out for other road users Always check tyres

#YOUandME

www.mkkjr.gov.bn

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Membina Keluargaku Harapanku'. Tarikh Tutup : 18 Disember 2024
- 'Memperkenalkan Makanan Tempatan Ke Peringkat Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 25 Disember 2024
- 'Memacu Pembangunan Sektor Ekopelancongan.'. Tarikh Tutup : 1 Januari 2025

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

AMALAN BERSELAWAT MAMPU JADI PEMBIMBING ROHANI, JIWA



SESI bergambar ramai pada Majlis Berselawat bertempat di Ibu Pejabat BASMIDA, Kampung Anggerek Desa.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Jumaat, 13 Disember. - Kumpulan Dikir dan Tauyeh Wanita, Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) petang tadi menganjurkan Majlis Berselawat beramai-ramai ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Ibu Pejabat BASMIDA, Kampung Anggerek Desa.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Yang Dipertua BASMIDA, Datin Dayang Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan bacaan-bacaan selawat, iaitu Selawat Sultan sebanyak tiga kali, Selawat Syifa, Selawat Ibrahimiyah, Selawat Basyro dan Selawat Al-Alil Al Qadri beramai-ramai.

Bacaan Doa Selamat

dibacakan oleh Dayang Hajah Asmah binti Haji Paidi dan disusuli dengan bacaan Doa Allah Peliharaan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Dayang Hajah Ramlah binti Haji Abdul Rahman.

Sementara itu, Yang Dipertua BASMIDA dalam ucapannya mengingatkan berselawat adalah satu amalan yang diperintahkan di dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Tujuan utama majlis berkenaan jelasnya, adalah sebagai kegiatan mingguan pada hari Jumaat selepas Sembahyang Fardu Asar di samping untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan Ahli BASMIDA.

Tambahnya, dengan amalan berselawat yang dijadikan sebagai rutin harian mampu menjadi pembimbing rohani dan jiwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

UBD - Kagawa University terus memperkuuh perkongsian pengetahuan, kecemerlangan akademik



SAMBUTAN Ulang Tahun Ke-20 yang diadakan di Kagawa University, Jepun berkenaan dihadiri wakil-wakil utama universiti dan pelajar daripada kedua-dua institusi.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

TAKAMATSU, JEPUN, Khamis, 12 Disember. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Kagawa University mencatatkan satu lagi peristiwa penting pada 11 Disember 2024 apabila mereka meraikan dua dekad kerjasama akademik yang produktif.

Sambutan Ulang Tahun Ke-20 yang diadakan di Kagawa University, Jepun berkenaan dihadiri wakil-wakil utama universiti dan pelajar daripada kedua-dua institusi. Sejak kerjasama mereka bermula pada 2005, UBD dan Kagawa University telah memupuk hubungan yang dinamik dan saling menguntungkan, menghasilkan pelbagai inisiatif penyelidikan dan program pertukaran pelajar.

Sambutan berkenaan mencerminkan impak berterusan kerjasama tersebut dalam mempromosikan pertukaran budaya, perkongsian pengetahuan dan kecemerlangan akademik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun.

Ahli akademik daripada

kedua-dua universiti bekerjasama dalam projek penyelidikan, dengan memberi tumpuan kepada kepentingan bersama dalam kesihatan awam, terutamanya diabetes, obesiti kanak-kanak dan pendidikan pemakanan. Kedua-dua institusi juga sedang menyiasat potensi *rare sugars* sebagai makanan tambahan untuk individu yang menghidap diabetes atau obesiti.

Kagawa University berada di barisan hadapan dalam penyelidikan global dalam teknologi pengeluaran *rare sugars*, dengan wilayah Kagawa muncul sebagai pengeluar utama *rare sugars*. Kerjasama mereka juga merangkumi inisiatif seperti mengadakan bengkel di sekolah-sekolah rendah di NBD untuk mempromosi pemakanan sihat dalam kalangan penduduk muda.

"Mari kita bekerjasama untuk memastikan kerjasama masa kita pada masa depan memberi impak yang lebih besar dengan bekerjasama erat, kita boleh membina perkongsian yang lebih mendalam dan bermakna pada tahun-tahun akan datang," kata Profesor Natsuo Ueda lagi.

berlangsung pada tahun yang sama apabila NBD dan Jepun menyambut Ulang Tahun Ke-40 ulang penubuhan hubungan diplomatik dan kedua-dua negara akan terus bekerjasama rapat untuk meningkatkan dan mengukuhkan perkongsian strategik yang berterusan serta persahabatan berkekalan.

Sementara itu, President of Kagawa University, Profesor Natsuo Ueda, pula melahirkan rasa bangganya terhadap kerjasama yang berterusan antara kedua-dua universiti dengan melihat ke hadapan, adalah penting untuk terus memupuk hubungan berkenaan di samping mewujudkan peluang baharu untuk kedua-dua institusi dalam pendidikan, penyelidikan dan seterusnya.

"Mari kita bekerjasama untuk memastikan kerjasama masa kita pada masa depan memberi impak yang lebih besar dengan bekerjasama erat, kita boleh membina perkongsian yang lebih mendalam dan bermakna pada tahun-tahun akan datang," kata Profesor Natsuo Ueda lagi.

Manakala, Dekan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiyah (PAPRSB IHS) di UBD, Profesor Kenneth Kok Yuh Yen, pula menyuarakan pandangan yang sama mengenai kerjasama berkenaan bukan sahaja meningkatkan pertumbuhan akademik dan profesional pelajar dan fakulti, tetapi juga memupuk persefahaman dan saling menghormati serta membolehkan kami menangani cabaran global dengan lebih berkesan.

Sementara Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle menjelaskan kerjasama antara kedua-dua institusi bukan sahaja memperkayakan pengalaman pendidikan pelajar tetapi juga mengukuhkan hubungan antara komuniti akademik.

"Kami menghargai persahabatan jangka panjang ini dan tidak sabar untuk meneroka peluang selanjutnya untuk penyelidikan dan kerjasama akademik dengan Universiti Kagawa," kata Dr. Hazri.

Manakala, Dean of the Faculty of

Medicine di Kagawa University, Profesor Akira Nishiyama, menyoroti hasil yang bermanfaat daripada kerjasama dan pertukaran selama beberapa dekad, dengan memberikan contoh alumni NBD yang berjaya menamatkan pengajian mereka di Kagawa University dan sumbangan bersama Kagawa University dan UBD oleh perkongsian ilmu, penyelidikan dan kepakaran.

Majlis berkenaan menyerlahkan pencapaian penting yang telah dicapai oleh kedua-dua universiti dalam dua dekad lalu dan menyaksikan sesi perkongsian oleh pelajar pertukaran UBD dan Kagawa University semasa.

Melalui program pertukaran pelajar tahunan mereka, pelajar perubatan dari Fakulti Perubatan di Kagawa University dan PAPRSB IHS telah memperkayakan pendidikan mereka dengan mendapatkan pendekatan kepada pelbagai metodologi pendidikan dan penyelidikan, serta budaya dan bahasa yang berbeza.

Bulan ini, enam pelajar perubatan dari PAPRSB IHS sedang menyertai program pertukaran International Winter Medical School di Kagawa University, sebagai bukti komitmen antara kedua-dua universiti untuk usaha berterusan untuk memupuk kerjasama berkenaan.

Semasa kedua-dua universiti memperingati pencapaian luar biasa berkenaan, mereka juga memberi tumpuan kepada masa depan, dengan rancangan untuk meningkatkan lagi usaha kerjasama mereka dalam bidang seperti penyelidikan klinikal dan pertukaran dan latihan profesional.

Kedua-dua buah universiti komited untuk mencipta peluang baharu untuk pelajar, fakulti dan penyelidik, memastikan kerjasama berkenaan terus berkembang maju dan memacu perubahan positif merentas kedua-dua komuniti dan seterusnya.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala telah menciptakan manusia sebagai satu masyarakat yang terdiri daripada pelbagai jenis bangsa, kaum dan warna kulit. Semua ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala ini mempunyai hikmah dan tujuan. Manusia diuji dengan ujian hidup sama ada sihat sejahtera, sakit atau cacat. Ada sebahagian manusia diuji dengan kekurangan pada pendengaran, penglihatan, anggota badannya dan sebagainya. Golongan ini tidak boleh dilupakan di dalam masyarakat. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 13 :

Tafsirnya : "Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada laki-laki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti".

Ayat ini adalah merujuk kepada pembinaan dan pembentukan masyarakat

Mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan golongan Orang Kelainan Upaya

yang berakhvak dengan menyantuni hak sesama insan yang antaranya mengiktiraf kewujudan setiap individu, masyarakat tanpa mengira bangsa, kelainan paras rupa dan tahap keupayaan fizikal dan mental.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana bernaung dalam sebuah negara yang sentiasa mengelinga dan menyantuni rakyat dan penduduknya tanpa mengira latar belakang, termasuklah juga terhadap golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Kebajikan dan kesejahteraan OKU di negara ini sentiasa dititikberatkan semata-mata untuk membentuk keselamatan yang menyeluruh dan saksama untuk semua rakyat dan penduduk di negara ini.

Takrif OKU ialah seseorang yang mempunyai kecacatan jangka panjang dari segi kelakuan, komunikasi, perkembangan, fizikal, mental, intelek, deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menghalang penyertaan penuhnya dan berkesannya dalam masyarakat.

Sebagai usaha untuk memastikan suara golongan OKU mendapat tempat dan perhatian masyarakat, penubuhan Majlis Kesejahteraan OKU pada tahun 2016 telah bertindak selaku indung kepada sembilan buah Persatuan OKU yang terdapat di negara ini, terdiri daripada institusi atau pusat pendidikan dan latihan khas yang tertumpu pada kategori kelainan upaya yang tertentu seperti fizikal, perkembangan, penglihatan dan pendengaran. Di samping kesembilan buah persatuan ini, Majlis Kesejahteraan OKU juga bekerjasama dengan empat buah Badan Bukan Kerajaan di dalam memantapkan rangkaian kerjasama serta mengukuhkan sokongan dan dukungan terhadap OKU di negara ini.

Agama Islam tidak pernah menyisihkan umatnya sama ada yang dilahirkan sempurna ataupun yang dilahirkan dengan kelainan upaya. Sesungguhnya bukti agama Islam itu menyantuni golongan OKU adalah sebagaimana Allah Subhanahu Wata'ala menegur tentang perbuatan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berpaling daripada seorang buta iaitu Abdullah bin Ummu Maktum yang hendak bertanyakan sesuatu kepada Nabi

Sallallahu Alaihi Wasallam dan belajar daripada Baginda mengenai agama Islam. Akan tetapi, Baginda pada ketika itu sibuk melayani para pembesar Quraisy dengan tujuan berdakwah kepada mereka. Baginda tidak dapat menumpukan perhatian Baginda kepada Abdullah malah Baginda memalingkan muka kerana khuatir jika melayani Abdullah, maka percakapannya dengan para pembesar Quraisy itu akan terputus sedangkan Baginda sangat-sangat berharap supaya mereka memeluk agama Islam. Allah Subhanahu Wata'ala menegur perbuatan Baginda itu dengan menurunkan firman-Nya dalam Surah 'Abasa, ayat 1-4 :

Tafsirnya : "Dia (Nabi Muhammad) telah bermasam muka dan berpaling. Kerana telah didatangi oleh seorang buta. Dan tahukah engkau (wahai Nabi Muhammad) bahwa tujuannya boleh jadi dia mahu membersihkan hatinya (daripada dosa). Atau dia mahu mengambil pengajaran supaya pengajaran itu memberi manfaat kepadanya".

Golongan OKU adalah sebahagian daripada masyarakat kita. Sebaiknya mereka merupakan ujian dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada kedua-dua ibu bapa, penjaga dan golongan mereka, maka mereka juga adalah ujian dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Ini kerana dengan adanya orang yang buta, kita menghargai nikmat melihat. Dengan adanya orang yang pekak, kita mensyukuri nikmat mendengar. Dengan adanya orang yang bisu, maka kita lebih menghargai nilai nikmat berbicara.

Kita selaku masyarakat yang prihatin dan penyayang hendaklah sedar dan ingat bahawa kehadiran golongan OKU di dunia ini hendaklah difahami, dibantu dan dibimbang supaya mereka berasa dikasih, dihargai dan tidak berasa disisihkan oleh masyarakat agar mereka dapat menjalani dan meneruskan kehidupan ini dengan lebih baik dan lebih sejahtera. Apa pun kekurangan yang dihadapi oleh mereka adalah ketetapan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sebagai ujian. Jika mereka bersabar, mereka akan mendapat pahala. Begitu juga dengan ahli keluarga dan pihak yang menjaganya. Justeru, kesedaran setiap masyarakat mengenai kepentingan OKU dan penglihatan mereka

adalah diperlukan. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hashr, ayat 9 :

Tafsirnya : "Dan mereka juga lebih mengutamakan (Muhibbin itu) daripada diri mereka sendiri walaupun mereka dalam keadaan kekurangan. Dan sesiapa yang dirinya dipelihara daripada sifat bakhilnya maka mereka itulah orang yang mendapat kemenangan".

Oleh yang demikian, janganlah kita mengabaikan dan memandang rendah terhadap golongan OKU. Kita juga mempunyai tanggungjawab memberikan pendidikan yang bersesuaian agar mereka dapat hidup bersama masyarakat, mengenal pasti kemampuan dan kelebihan mereka yang boleh dikembangkan dan dilatih sehingga berjaya dan mampu bekerja dan berdikari termasuk dapat menyesuaikan diri secara psikologi dan sosial.

Marilah kita sama-sama berusaha mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka untuk memperkuuhkan kesejahteraan mereka di samping memastikan golongan ini akan terus menyambung ke arah peningkatan sosial, kemajuan ekonomi, kemakmuran negara dan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sama-sama kita berdoa semoga kita semua dan golongan OKU di negara ini akan dikurniakan keazaman yang tinggi, dikurniakan kesihatan dan sentiasa mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasik sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim". (Surah Al-Hujurat, ayat 11)

Pesta Jualan Hujung Tahun pamer pelbagai produk kampung

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Belimbing



TERDAPAT 18 buah petak jualan daripada peniaga kecil-kecilan kampung berkenaan yang menampilkan produk kampung serta pelbagai jualan makan dan minuman (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Disember. - Bagi memeriahkan lagi suasana cuti penghujung tahun di negara ini, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Belimbing baru-baru ini menganjurkan Pesta Jualan Hujung Tahun Lakas Tah Tani

Kemari yang diadakan di kawasan Letak Kereta Taman Riadah Tasik Sarubing, Kampung Belimbing. Pesta tersebut berlangsung selama seminggu bermula 9 hingga 15 Disember 2024 dari jam 7.30 pagi hingga 5.00 petang. Terdapat 18 buah petak jualan



daripada peniaga kecil-kecilan kampung berkenaan yang menampilkan produk kampung serta pelbagai jualan makan dan minuman.

Pelbagai aktiviti juga diadakan seperti Peraduan Mewarna Kategori Warga Emas dan Kanak-kanak, Sukan Ria Kategori

Warga Emas dan Kanak-kanak dan lain-lain lagi.

Pesta antara lain memberi peluang kepada penduduk kampung untuk menjana pendapatan dan mewujudkan lagi suasana kemeriahan kampung serta menarik lebih ramai pengunjung dari luar daerah dan

juga sekitarnya.

Sehubungan itu, orang ramai dialu-alukan untuk mengunjungi dan menyemarakkan pesta tersebut dengan memberi sokongan kepada peniaga tempatan serta mengeratkan hubungan silaturahim sesama masyarakat.

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada II Jamadilakhir 1446/13 Disember 2024M

جامعة إسلام مسجد
JABATAN HAL EHWAH MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MENGUTAMAKAN KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN GOLONGAN ORANG KELAINAN UPAYA

Agama Islam tidak pernah menyisihkan umatnya sama ada yang dilahirkan sempurna/dengan kelainan upaya.

Kita selaku masyarakat yang prihatin dan penyayang hendaklah sedar dan ingat bahawa kehadiran golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) di dunia ini hendaklah:

1 DIFAHAMI, DIBANTU DAN DIBIMBING

supaya mereka berasa dikasihi, dihargai dan tidak berasa disisihkan oleh masyarakat



2 TIDAK MENGABAIKAN DAN MEMANDANG RENDAH TERHADAP MEREKA



3 MEMBERIKAN PENDIDIKAN YANG BERSESUAIAN

dan mengenalpasti kemampuan dan kelebihan mereka yang boleh dikembangkan dan dilatih sehingga berjaya dan mampu bekerja dan berdikari

4 SAMA-SAMA KITA BERDOA

semoga kita semua dan golongan OKU di negara ini akan dikurniakan keazaman yang tinggi, kesihatan dan sentiasa mendapat perlindungan Allah SWT

suruhanjaya فرمان مختار عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERTAMA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURIAHAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan iklan akan ditolak.

Talian Rujukan: Suruhanjaya Pengeluaran Awam | query.spa.gov.bn | PSC.bn

Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan	Urus setia Pengambilan	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. JURUTERA KERJA PUTUS PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI, KEMENTERIAN PERTAHANAN B.3 (BAHAGIAN II) 2024/NOV/03/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	38(A)	18 DISEMBER 2024
2. BURUH JABATAN PERHUTANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN F.1-2 EB.3 (BAHAGIAN V) 2024/NOV/01/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	02	7(A)	21 DISEMBER 2024

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KANTIKAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKIRAKAN DI BAWAH PERATURAN (IA) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEH DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN.



Bilangan Tawaran:
41 / JMM / S / 12 / 91 (2024 / 2025)

Tajuk Tawaran:
Term Contract (36 Months) For Cleaning And Upkeeping Works at Royal Regalia Museum and Brunei Energy Hub Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan,



Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa, 7 Januari 2025. Jam 2.00 Petang.



Pemohon-Pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan :
Penolong Pensyarah

Bahagian:
II

Kekosongan:
Dua (2)

Bidang :
Bahasa Inggeris dan Kemahiran Komunikasi

Fakulti:
Pusat Bahasa
Menghadapkan Borang Permohonan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini:
Link:<https://forms.gle/rN2Ny9rJSsMZ5yE87>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang-borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 16 Disember 2024.

Pejabat Sumber Tenaga
Manusia Tingkat 1,
Bangunan Pentadbiran
Universiti Brunei Darussalam
Jalan Tungku Link,
Gadong BE1410
Negara Brunei Darussalam



Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.



JPH / 1211 – 003 / TAW392 / 2024 - 2025

Menaik Taraf Kemudahan di Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong Fasa 1

Tarikh Tutup Tawaran:
17 Disember 2024.
2.00 Petang.
(Selasa)

Borang Pendaftaran Syarikat (Jika Belum Berdaftar):
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0044 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Melaksanakan Kerja-Kerja Renovasi Bilik Peralatan Menyelam

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
26 Disember 2024.
Jam 2.00
Petang.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 63 / UP / 14

Tajuk Sebut Harga:
Renovation At Site Office Jalan Dato Taib Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
19 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JBBSB / SH / 2024 - 2025 / 57 / UPA / 06

Keterangan Tawaran :
Penyewaan Ruang Bilik Bagi Menjual Makanan Beku (Ikan, Ayam dan Daging) Di Bangunan Pasar Gadong

Yuran Pentadbiran :
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Khamis, 19 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

QR Code:



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2024 / T6

Nama Tawaran:
To Operate Currency Exchange Service at Brunei International Airport.

Tarikh Tutup:
24 Disember 2024.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:
Mulai 9 Disember 2024 hingga 23 Disember 2024.

Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2024 / T7

Nama Tawaran:
To Develop and Operate Wellness and Beauty Store at Departure Hall Brunei International Airport.

Tarikh Tutup:
11 Februari 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:
Mulai 9 Disember 2024 hingga 3 Februari 2025.

Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2024 / T8

Nama Tawaran:
To Develop and Operate Retail / Food & Beverage Outlet at Brunei International Airport.

Tarikh Tutup:
11 Februari 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:
Mulai 9 Disember 2024 hingga 3 Februari 2025.





KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BIOS / LTK / ASET / 01 /
2024 - 2025 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Membekal Satu (1) Unit
Kereta Pacuan Empat Roda
(4WD) SUV Vehicle
Bagi Kegunaan Bahagian
Biosecuriti dan Akses Pasaran.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
31 Disember 2024.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Taklimat :
16 & 24 Disember 2024.
Isnin,
Jam 9.00 Pagia.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND15.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI

Bilangan Tawaran:
(145) INFO / PK / K / 7
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :
Mencetak Kertas Sijil dan
Back Cover Sijil

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Khamis,
26 Disember 2024.
Jam 8.00 Pagia.



UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan :
Pegawai Pelajaran

Tangga Gaji:
G.13 (BND2,270 - BND4,240)

Jabatan:
Pusat Bahasa,
Universiti Brunei Darussalam

Kekosongan:
Satu (1)

**Menghadapkan Borang
Permohonan**

**Bagi Pemohon Yang Tidak
Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini:
Link: <https://forms.gle/VTzDJGYzST8PZWEE8>
Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokument-dokumen yang berkaitan. Borang-borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 16 Disember 2024.

**Bagi Pemohon Yang
Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk melengkapkan permohonan melalui pautan di atas dan menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

**Pejabat Sumber Tenaga
Manusia**
Universiti Brunei Darussalam
Jalan Tunku Link,
Gadong BE1410
Negara Brunei Darussalam [U.P: Bahagian Pengambilan]

Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.



PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA

Iklan Jawatan Kosong

Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan-jawatan berikut:

1. Safety Management System Manager, SFM4
2. Quality Assurance Senior Engineer, SFS3
3. Cabin Interior Technician, SFS3
4. Licensed Aircraft Engineer Avionics, SFNS1
5. Senior Aircraft Mechanic, SFN3

Syarat-syarat Am:

- Bersedia menjalankan tugas pada bila-bila masa yang diperlukan;
- Fasih bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris;
- Mahir dalam teknologi maklumat (IT);
- Terma dan syarat lain yang dikawal oleh peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa

Pemohon-pemohon yang berminat dikehendaki menghadapkan permohonan melalui e-mel vacancy@mofe.gov.bn dengan nyatakan subjek e-mel (nama jawatan yang dipohon / 24-25) tidak lewat pada

Selasa,

31 Disember 2024

dan menyertakan perkara-perkara berikut;

- a) Curriculum Vitae;
- b) Salinan kad pengenalan;
- c) Gambar terbaru berukuran pasport; dan
- d) Salinan sijil akademik yang berkaitan.

Hanya calon yang disenaraikan pendek akan dimaklumkan.



JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk
Memberi Tawaran

Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 069 / 2024

Tajuk Tawaran:

Pengukuhan Sistem Rangkaian
11kv Dari Stesen Elektrik
Utama Belingus
Ke Stesen Elektrik Utama
66/11kv Perdayan
[Re-Tender]

Tarikh Tutup:
Selasa,
7 Januari 2025.
2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai Pendaftaran
Syarikat Dengan Kementerian
Pembangunan Dalam
Kategori P05
P05 - Alat-Alat Kejuruteraan
Elektrik, Elektronik dan
Elektro-Mekanik

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan yang lanjut
bolehlah diperolehi dari
Unit Tawaran, Tingkat 4,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian:

Sila sertakan salinan
"BUSINESS NAMES
ENACTMENT, 1958 –
SECTION 16 & 17" dan
sijil pendaftaran pemborong
(MOD), Brunei Darussalam
Registration Certificate,
ROCBN, Certificate of
Tax Compliance, Annual return,
ROCBN semasa menghantar
dokumen ini ke Jabatan
Perkhidmatan Elektrik.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU**
SAHAJA.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.



Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



UNISSA TERPILIH MENJADI AHLI ASSOCIATE INSTITUSI ASEAN-FEN

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Disember. — Simposium Perikanan Antarabangsa 2024 atau International Fisheries Symposium 2024 telah diadakan pada 20 dan 21 November 2024 di Hakodate Citizen Hall, Hakodate Arena, Hokkaido, Jepun.

Mewakili Negara Brunei Darussalam ke simposium tersebut ialah Dekan Fakulti Pertanian Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Hajah Rose binti Abdullah dan Pengarah Makmal Santifik Ibnu

Sina, Penolong Profesor Dr. Cristalina Jalil Marsal.

Simposium tersebut merangkumi beberapa sesi pembentangan serta pameran. Sijil Keahlian UNISSA sebagai Ahli Associate ASEAN-FEN telah disampaikan kepada wakil UNISSA iaitu Profesor Madya Dr. Hajah Rose semasa Majlis Pembukaan Simposium berkenaan.

UNISSA merupakan di antara 28 universiti yang menjadi Ahli Associate Institusi ASEAN-FEN.



Tingkatkan pemahaman terhadap budaya, tradisi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Disember. — Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Islamic Finance and Economics Student Society (iFESS) Sesi 2024 / 2025 telah mengadakan Borneo Crossroad Expedition dengan bertemakan 'Discover, Connect and Explore'.

Acara telah diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkolaborasi antara iFESS, UNISSA dengan International Business (IB) Club, UMS.

Seramai 18 orang badan pelajar iFESS telah menyertai acara ini bersama dengan dua pensyarah pengiring iaitu Timbalan Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Dr. Amnisuhailah binti Abarahan dan Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Dr. Annisa binti Haji Sarbini.

Sesi dimulakan dengan kata-kata aluan yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar, UMS, Profesor Madya Ts Dr. Sidah binti Idris dan Dr.

ANTARA yang menyertai Borneo Crossroad Expedition dengan bertemakan 'Discover, Connect and Explore' (kanan dan bawah).

Amnisuhailah dan diteruskan dengan perkongsian antara kedua-dua perbadanan pelajar UMS dan UNISSA.

Sementara itu, pada sesi petang pula disambung dengan perbincangan antara Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan serta Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam bagi peluang mobiliti pelajar dan pembelajaran keusahawanan pelajar di UMS dan di UNISSA.

Perbincangan ini dihadiri oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Prascasiswazah, Dr. Jakarta bin Dasan dan Dr. Amnisuhailah binti Abarahan.

Acara diakhiri dengan lawatan



ke Masjid Bandaraya dan Pasar Kraftangan Kota Kinabalu Sabah bagi lawatan Keusahawanan.

Ini telah membuka peluang dan pendedahan kepada badan pelajar

iFESS tentang budaya, tradisi dan perspektif serta meningkatkan pemahaman dan penghargaan terhadap kepelbagaiannya. Selain itu, ia dapat menjalin hubungan antara

pelajar dan pensyarah UNISSA dan UMS serta memberikan peluang kerjasama pada masa depan di dalam latihan industri dan peluang pekerjaan.



MEMPROMOSIKAN KESELAMATAN TEMPAT KERJA, PERATURAN PEKERJAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Disember. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dengan kerjasama Jabatan Buruh baru-baru ini menganjurkan program

jangkauan bertempat di Dewan Tripartite, Ibu Pejabat Jabatan Buruh.

Acara ini mengumpulkan wakil-wakil daripada pelbagai syarikat

meningkatkan kesedaran tentang keselamatan tempat kerja dan peraturan pekerjaan di samping menekankan kepentingan mematuhi piawaian keselamatan serta melindungi hak dan kebajikan

pekerja.

Antara topik utama yang dibentangkan oleh Pegawai Jabatan Buruh termasuklah mengenai peruntukan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dan

SESI bergambar ramai pada program berkenaan yang berlangsung di Dewan Tripartite, Ibu Pejabat Jabatan Buruh.

Anti-Trafficking in Person, Bab 230.

Sementara itu, SHENA pula berkongsi pandangan berdasarkan aktiviti pemeriksaan dan pemantauannya dengan menonjolkan isu-isu ketidakpatuhan yang sering ditemui di tapak pembinaan seperti amalan kerja di tempat tinggi yang tidak selamat dan penggunaan peralatan serta mesin yang tidak betul.

Dalam pada itu, SHENA dan Jabatan Buruh berhasrat untuk mengekalkan kerjasama tersebut melalui inisiatif jangkauan berkala yang menyasarkan sektor swasta.

Usaha berkenaan bertujuan untuk memperkuatkan pemahaman mengenai rangka kerja perundungan yang mengawal selia keselamatan tempat kerja dan pekerjaan di Negara Brunei Darussalam.

Pastikan dokumen lengkap sebelum rentas sempadan



KESABARAN dan persediaan awal adalah kunci untuk memastikan perjalanan yang selamat dan menyenangkan.

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Dk Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Disember. - Bulan Disember adalah waktu yang dinanti-nantikan untuk segenap lapisan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) kerana inilah peluang mereka untuk pulang ke kampung halaman dan meluangkan masa bersama keluarga masing-masing.

Justeru, semasa musim cuti persekolahan Disember ini, sempadan-sempadan Brunei terutamanya di sempadan Sungai Tujuh dan Labu, adalah dua destinasi yang sangat popular untuk mereka yang hendak pergi bercuti ke negara jiran, Sabah dan Sarawak, Malaysia.

Disebabkan itu, sempadan-sempadan tersebut mengalami kesesakan jalan raya akibat daripada jumlah peningkatan pengunjung atau pelancong yang masuk ke NBD dan keluar ke Malaysia semakin bertambah.

Kesesakan di sempadan ini biasanya berlaku pada hujung minggu dan hari-hari menjelang

cuti kelepasan awam.

Selain itu, faktor cuaca dan kapasiti di tempat pemeriksaan sempadan tersebut juga memberi kesan kepada kelancaran pergerakan di pintu masuk negara. Kesesakan yang berlaku kadangkala boleh menyebabkan masa perjalanan yang lebih lama dan menimbulkan ketidaksesuaian kepada pengguna jalan.

Bagi memastikan perjalanan melintasi sempadan berjalan lancar, pihak berkuasa NBD mengingatkan orang ramai untuk memastikan bahawa dokumen perjalanan lengkap dan sah.

Berikut adalah beberapa sararan utama untuk mengelakkan sebarang masalah semasa melintasi sempadan seperti para pelancong yang ingin keluar atau masuk ke NBD perlu memastikan pasport mereka sah dan tidak tamat tempoh. Pastikan juga visa atau dokumen perjalanan lain (jika diperlukan) telah diproses dengan betul.

Semasa menunggu di sempadan, elakkan meninggalkan dokumen penting di dalam kendaraan kerana ia boleh menyebabkan kelewatan dalam pemeriksaan atau tindakan yang tidak diingini.

Orang ramai juga disarankan untuk membawa makanan ringan dan minuman bagi keselesaan di sepanjang perjalanan.

Pihak berkuasa juga sentiasa berusaha mempertingkatkan kawalan dan sistem pemeriksaan di sempadan bagi memastikan keselamatan dan kelancaran perjalanan antara NBD dan Malaysia.

Oleh itu, kesabaran dan persediaan awal adalah kunci untuk memastikan perjalanan yang selamat dan menyenangkan.

Orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi peraturan sempadan dan memeriksa keadaan semasa sebelum memulakan perjalanan bagi mengelakkan sebarang komplikasi.

Komitited membantu meningkatkan bekalan darah



ANTARA yang menyertai Kempen Derma Darah dengan tema 'Gift of Blood, Gift of Life'.

Siaran Akhbar dan Foto : Progresif Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Disember. - Progresif Sdn. Bhd. (Progresif) dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) mengadakan Kempen Derma Darah dengan tema 'Gift of Blood, Gift of Life'.

Inisiatif bermakna ini bertujuan untuk memenuhi keperluan untuk menderma darah di samping memupuk semangat keprihatinan masyarakat.

Seramai 39 penderma telah menyertai kempen. Setiap derma adalah taliyan hayat, memberikan sokongan kritikal kepada pesakit yang memerlukan pemindahan darah untuk kecemasan dan rawatan perubatan.

Untuk menunjukkan penghargaan atas sambutan para penderma darah, acara itu menampilkan cabutan bertuah dengan hadiah menarik, termasuk telefon bimbit dan kad tambah nilai mudah alih.

Kempen ini mencerminkan komitmen Progresif untuk mengiktiraf peranan masyarakat dalam menyelamatkan nyawa.

Pada acara cabutan bertuah tersebut Awang Muhammad Azri bin Abd. Hamid telah membawa pulang telefon bimbit jenama Vivo Y76 5G (Model V2124) manakala, tiga pemenang iaitu Dayang Surianah binti Haji Serudin, Awang Abdul Rahim bin Haji Adris dan Dayang Mira Osman masing-masing menerima tambah nilai mudah alih Progresif BND15 dan Matthew Yun Mei Chiang menerima tambah nilai mudah alih Progresif BND10.

Dalam pada itu, Progresif kekal berdedikasi untuk menyokong inisiatif penjagaan kesihatan Negara Brunei Darussalam dan menggalakkan orang ramai untuk menyertai kempen masa depan kerana setiap sumbangan penting dalam membina masyarakat yang lebih sihat dan kuat.

OPERASI SIAGA : 6 KESALAHAN PERINTAH PEKERJAAN 2009 DIKESAN



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Disember. - Bahagian Pengukuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh baru-baru ini mengendalikan Operasi Siaga 273/2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang dijalankan bagi kegiatan menjual pelbagai

alat-alat komputer dan aksesori di kawasan Kampung Kiulap mendapat sebanyak enam kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan kepada pekerja-pekerja tempatan dan asing iaitu Bab 10 Pekerja tidak disediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis dengan majikan; Bab 39(1) Gaji pekerja dibayar kurang dari

OPERASI Siaga 273/2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

jumlah yang tertulis di kontrak perkhidmatan; Bab 44 Membuat pemotongan gaji yang bertentangan dengan Perintah Pekerjaan, 2009; Bab 64 Pekerja yang bekerja pada hari kelepasan awam tidak digantikan dengan hari lain atau dibayar dua kali ganda; Bab 71(1) Majikan gagal memberikan cuti tahunan berbayar mengikut kelayakan pekerja menurut Perintah Pekerjaan 2009 dan Bab 72, Gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti gaji dibayar selaras dengan jumlah di kontrak perkhidmatan, gaji bagi kerja lebih masa dibayar, pemotongan gaji hendaklah selaras dengan Perintah Pekerjaan 2009, pekerja yang bekerja pada hari kelepasan awam hendaklah diganti hari lain atau dibayar dua kali ganda dan pekerja berhak mendapat cuti tahunan bergaji, iaitu tidak kurang dari tujuh hari pada tahun pertama, jika telah berkhidmat dengan majikan yang sama sekurang-kurangnya selama tiga bulan.

Untuk maklumat lebih lanjut menghubungi Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

کمترین کمیتیت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Stomachos Usus Awda

Akibat miliki barang tegahan kastam



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Disember. - Mahkamah Majistret hari ini menjatuhkan hukuman denda terhadap seorang warga tempatan atas dua pertuduhan.

Majistret, Nur Eleana binti Dato Paduka Haji Hairul Arni menjatuhkan hukuman denda terhadap Muhammad Hisham Rizal bin Abdullah 22 tahun di bawah Seksyen 146(1)(d)

Perintah Eksais 2006 kerana memiliki barang-barang tegahan kastam iaitu rokok pelbagai jenis.

Mengikut pertuduhan pertama, defendant memiliki 22 karton rokok dan enam paket rokok.

Defendant dijatuhi hukuman denda mahkamah sebanyak BND23,000 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal menjelaskan keseluruhan denda tersebut.

Manakala bagi pertuduhan kedua, defendant memiliki 65 karton dan sembilan paket rokok pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah dan didenda sebanyak BND66,000 atau 16 bulan pemenjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda.

Jumlah hukuman denda keseluruhan sebanyak BND89,000 atau 29 bulan pemenjaraan jika gagal menjelaskan keseluruhan denda tersebut.

Defendant telah ditangkap oleh

Pegawai-pegawai Pencegah

Kastam, Unit Operasi Bahagian Pengukuasa Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Cawangan Daerah Brunei dan Muara di rumah kawasan Kampung Mulaut Kilanas pada 29 Februari 2022 dan 14 Julai 2022.

Kesemua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan. Wang tunai terlibat juga sebanyak BND129 dan SGD2 dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tindakan selanjutnya.

PUISSI

Berhati-Hati Di Jalan Raya

Assalamualaikum pembuka kata,
Di karang syapen di malam gelita,
Di jalan raya bermacam cerita,
Mengenai keselamatan memandu kereta.

Berhati-hati ubaya-ubaya,
Jika memandu di jalan raya,
Ikut peraturan sedaya upaya,
Melanggar undang-undang menempah bahaya.

Mulakan perjalanan dengan bertawakal,
Doa dan zikir sebagai bakal,
Jadikan pelindung, azimat dan tangkal
Walaupun hanya menunggang basikal.

Doa dan zikir membawa berkat,
Amalkan ia sebelum berangkat,
Jadikan ia amalan yang merakat,
Walau perjalanan hanya dekat.

Jangan memandu tergesa-gesa,
Kelak ada menjadi mangsa,
Tanamkan sifat bertimbang rasa,
Punya disiplin berbudi bahasa.

Lebih raya bukan medan berlumba,
Bukan juga tempat mencuba,
Nanti yang ditinggalkan merana hiba,
Yang ditunggu pulangtak kunjung tiba.

Jadilah pemandu yang bijaksana,
Setiap perjalanan penting di rencana,
Agar teratur lebih sempurna,
Terhindar dari segala bencana.

Hati-hati memandu kereta,
Ingin kepada orang tercinta,
Jalan raya bukan tempat berpesta,
Bukan tempat untuk bersengketa.

Pandu kenderaan dengan cermat,
Supaya perjalanan sentiasa selamat,
Sematkan perasaan hormat menghormat,
InsyaaAllah selamat tujuan matlamat.

Bila tiba di lampu lintas,
Had laju memang terbatas,
Jangan meluru memandu pantas,
Apalagi mau memintas.

Setakat di sini mau dirista,
Tentang keulahan memandu kereta,
Sentiasa waspadai ingat yang tercinta,
Jangan sampai ada berdukarita.

Nadi©
Khamis
Jamadilawal ke 26 Hijrah 1446
November ke 28 Masihi 2024.

جاین فرانځن ایکوټوپی دان سټاتیسټیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN JAIH FIHAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



Falsafah Melayu Islam Beraja Dalam Sastera : Sumbangan Ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035



AL-MARHUM Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam pelopor Sastera Melayu Islam Beraja.

Oleh : Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama Meja Rencana,
Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Alhamdulillahi Rabbil
'Alameen Wassalaatu' Wassalaamu
'Ala Asyarafil Anbiyyaa Iwal Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een

SAYA hanya akan mengambil sepotong dari tajuk yang diberikan. Tajuk penuh berbunyi : 'Falsafah Melayu Islam Beraja Dalam Sastera : Sumbangan Ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035'. Saya hanya akan fokus kepada : 'Falsafah Melayu Islam Beraja Dalam Sastera' sahaja.

Falsafah ini perlu dilihat dari sudut sastera. Kerana ianya belum lumrah dikaitkan dengan sastera. Sastera bagi kebanyakan orang hanya luahan minda untuk berhibur atau berseronok-seronok melalui tulisan-tulisan kreatif seperti novel, cerpen, syair, sajak dan drama.

Seorang sasterawan negara Malaysia, A. Samad Said pernah berkata : "Parti siasah tidak terpesona dengan sastera, bahkan kadang-kadang sastera itu menjadi bahan tertawaan".

Saya pula tidak melihat sastera menjadi bahan tertawaan, tetapi melihatnya sebagai alat mencari kepuasan. Contohnya, seorang pembaca novel ratusan lambar, tidak akan berhenti membaca, sehingga ratusan lambar itu habis dibaca. Kalau dia berhenti pun hanya untuk rehat sebentar seperti untuk makan dan buang air, kemudian selepas itu dia membaca semula.

Demikian pesona sastera.

Tetapi dalam pada itu, bukan semua orang meminati sastera. Bahkan para siswa di kuliah sastera belum tentu menjadi minat tegar sastera.

Saya pernah dijumpai oleh sekumpulan para mahasiswa. Mereka diarahkan oleh pensyarah mereka untuk membuat kajian mengenai ADI RUMI.

Saya bertanya : "Sudahkah kalian membaca karya-karya Adi Rumi?"

Semuanya menggiling - belum.
Subhanallah, mahu mengkaji tentang Adi Rumi, tetapi belum pernah membaca sebarang karya Adi Rumi.

Ah, inilah gambaran, sastera itu ibarat si dagang kurang dipeduli.

Mengapa sastera kurang dipeduli? Barangkali juga mengikut faktor ekonomi, iaitu sastera tidak mendatangkan hasil yang baik dari sudut ekonomi. Memang kita sedia maklum, belum pernah ada di Nusantara seorang yang kaya raya kerana sastera. Yang miskin ada.

Namun kalau kita masyarakat budiman, tentu saja kita tidak akan lupa, bahawa golongan penggerak perjuangan di Nusantara adalah orang-orang sastera. Ramai penulis-penulis besar di Indonesia dan Malaysia sebagai contoh, mereka tidak kering tinta untuk mengajak rakyat berjuang membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan, sekali pun terpaksa untuk keluar masuk penjara.

Di negara Malaysia sebagai contoh, 'Nama Besar', Ishak Haji Muhammad atau Pak Sako yang menghasilkan beberapa buah novel antaranya : Anak Mat Laila Gila dan Putera Gunung Tahan, kerana semangat juangnya yang sentiasa membara, membawa beliau sampai dua kali meringkuk dalam penjara. Hanya apabila Malaysia merdeka, beliau baru dikenang untuk menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dan sekali lagi dianugerahkan gelaran 'Pejuang Sastera'.

Dari perwatakan dan syakhsyah para sasterawan, menunjukkan mereka adalah patriotik. Mereka tidak henti-hentinya menyiram dan membajai semangat juang bangsa dengan karya-karya mereka. Mereka mengajak umat supaya mencintai negara, memelihara ugama, dan sangat marah apabila raja dan bangsa dihina atau bahasa ibunda tidak didaulatkan oleh bangsa sendiri dan lain-lain.

Para sasterawan juga lantang mengungkap mengenai budaya. Mereka mengajak supaya budaya dipelihara dan

dipertaruhkan. Jangan ia dinoda dengan menukarannya kepada budaya asing.

Ramai mungkin tidak menyedari, bahawa penjajahan bukan semata-mata berlaku ke atas negeri / ke atas manusia, tetapi penjajahan juga boleh ke atas budaya dan pemikiran sebagai contoh mudah, manakala seorang anak gadis Melayu Muslim memakai skirt pendek melepas lutut, tidakkah ini namanya budaya si gadis itu sudah dijahah oleh budaya asing?

Kalau orang lain lambat menyedari atau tidak mahu ambil peduli perkara seperti ini, tetapi orang sastera, sama ada noveliskah dia atau cerpenis atau pemuisi atau pengkritik sastera, mereka biasanya tidak akan duduk diam, malah dengan segera akan tampil menyuarakan pandangan atau nasihat melalui tulisan-tulisan kreatif mereka atau tulisan biasa berbentuk esei.

Inilah yang lazim menjadi sifat para sasterawan. Mereka tidak mudah dipujuk untuk lebih baik diam dari membuka mulut atau menulis. Atau lebih jauh, para sasterawan juga tidak mudah dirasauh untuk menyampaikan hajat perasauh. Tidak mudah menerima rasuah sama ada berupa mata benda atau pangkat dan lain-lain. Lebih-lebih lagi sasterawan MIB, tentu sahaja mereka menolak pujaan dan rasuah, kerana pujaan yang bertujuan salah dan rasuah hukumnya adalah haram di sisi-sisi undang-undang dan ugama. Para sasterawan MIB tidak bersedia untuk telibat dengan perkara-perkara haram.

Inilah sifat mutlak sastera MIB. Para sasterawan MIB adalah pendukung tiga serangkai : Melayu (M) Islam (I) dan Beraja (B).

Tiga-tiga ini tersimpul kuat oleh 'cinta' leluhur : Cinta kepada Melayu (bangsa), cinta kepada Islam (pengangan) dan cinta kepada raja (ketua atau pemimpin).

Kalau ini ada pada seorang sasterawan, maka setiap sastera yang dihasilkannya adalah layak untuk diberi jolokan 'Sastera MIB'.

Maka erti, rata-rata hasil sastera di Brunei adalah ia 'Sastera MIB'. Karya Yura Halim adalah sastera MIB. Karya Yahya M.S adalah sastera MIB. Karya Badaruddin H.O adalah sastera MIB. Karya Syukri Zain adalah sastera MIB. Karya Zairis M.S adalah sastera MIB. Karya Muslim Burmat adalah sastera MIB dan lain-lain lagi karya para sasterawan kita, seperti karya A. Hashim Hamid, karya K Manis, karya Rahim MS, karya Wijaya, karya Abdullah Tahir, karya Adi Kelana, karya Amnah Haji Momin dan lain-lain. Adalah semua itu tidak lari dari sastera MIB. Kecuali jika tema, plot dan semangatnya bertentangan dengan MIB, maka barulah kita keluarkan ia dari wadah / landasan MIB.

Macam mana dan bila sesebuah karya sastera itu dapat dikeluarkan dari rumput MIB? Mudah saja, memadai dengan cuma melihat kepada lahiriahnya saja, tidak perlu menggali dalamannya. Misalnya, dari tajuk sahaja pun sudah boleh ditentukan status sesebuah hasil karya, sama ada ia Islamik

MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa menyampaikan ucaptama pada Pertemuan Sasterawan Brunei Ke-8 (PSB VIII) 2024 pada Selasa, 24 Jamadilawal 1446 Hijrah bersamaan 26 November 2024 Masihi bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka.

atau bukan.

Satu contoh, pada sekitar tahun 60an, di negara jiran, telah tersiar dalam akhbar sebuah sajak berjudul : 'Tuhan Sudah Mati'. Sajak ini sampai mencetuskan kritikan yang hangat di kalangan masyarakat. Pada saya, ini sahaja pun sudah cukup untuk menganggap cacat akidah, kerana akidah boleh rosak disebabkan sama ada kerana niat atau percakapan atau perbuatan.

Saya yakin, semua sasterawan Brunei adalah sasterawan MIB. Kecuali jika berlaku perbuatan berkarya seperti penulis sajak 'Tuhan Sudah Mati'. Maka itu lainlah keadaannya. Tegasnya, jika ada sasterawan Brunei menghasilkan karya menghina agama, menghina Nabi, menghina Islam, menghina raja dan lain-lain seumpamanya, maka hasil karya sasterawan seperti ini, bukan ia sastera MIB.

Begitu juga karya-karya menyokong musuh yang memerangi Islam dan orang Islam, seperti Zionis terhadap umat Palestin, maka jika berlaku ini dalam karya-karya orang Brunei, nescaya tidaklah dapat kita menganggapnya sebagai sastera MIB, sebaliknya mungkin sesuai untuk dinamakan ia 'Sastera Fasik' atau 'Sastera Murad'.

Namun saya tidak fikir akan ada para sasterawan Brunei yang jadi pembelot kepada MIB, dalam makna belot kepada bangsa (Melayu), belot kepada Islam (agama) dan belot kepada raja (ketua / pemimpin).

Bahkan orang Brunei tulis / sasterawan Brunei tulen akan kekal menjadi pencinta MIB, penghayat MIB, pengasyik MIB. Ini telah saya alami sendiri, bahawa oleh kerana terlalu sayang kepada MIB, terlalu asyik diulit oleh MIB, sehingga tanpa saya menyedari, tangan ini terus menari menghayun pena menghasilkan tiga buah antologi puisi panjang masing-masing berjudul :

1. Melayu Islam Beraja Mahkota Negara (76 muka surat).

2. Negara Dzikir (61 muka surat).

3. Perintah Kanun Jenayah Syar'iah Neraca Allah (118 muka surat).

Saya seperti kurang percaya, bagaimana saya dapat menghasilkan tiga buah karya panjang berbentuk puisi yang berinti-patikan MIB, kalau bukan saya ini pencinta MIB, pengasyik MIB.

*Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*





RR Catosmith hasil kerja tangan anak tempatan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ihsan RR Catosmith

BERMULA hanya sekadar minat dalam dunia pertukangan kayu sejak di bangku sekolah lagi telah menjadikan insan yang bersemangat tinggi ini menceburinya keusahawanan sepenuhnya. Menjadi individu yang berkemahiran dalam bidang seni pertukangan kayu bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Ini kerana bidang tersebut memerlukan kemahiran, minat dan kesabaran yang tinggi dalam menghasilkan produk yang dipilih daripada kayu yang bermutu dan berkualiti tinggi.

Berkongsi kisah dengan Pelita Brunei, Awang Muhammad Ramzi bin Haji Hamzah, 30 tahun, pemegang Ijazah Sarjana Muda Geography and Developmental Studies, Universiti Brunei Darussalam, bersyukur kerana bakat pertukangan yang diwarisi daripada arwah bapanya kini menjadi sumber pendapatannya.

"Pada saat dunia dilanda COVID-19, dengan niat untuk mencari pendapatan sampingan serta berbekalkan minat dan bakat pertukangan daripada arwah bapa dan belajar daripada YouTube, saya mula menjual produk pertukangan kepada kawan-kawan serta saudara-mara. Melihat akan pasaran yang berpotensi itu, saya memilih untuk membuka perniagaan secara rasmi pada tahun 2021," terang Awang Muhammad Ramzi.

Dengan menceburkan diri dalam pertukangan yang dihasilkan daripada kayu-kayu yang berkualiti maka lahirlah RR Catosmith yang terletak di Kompleks Industri

Beribi iaitu sebuah syarikat yang menghasilkan pembinaan rumah haiwan peliharaan bagi semua jenis haiwan seperti kucing, anjing, arnab, iguana, penyu dan lainnya.

Nama tersebut dipilih kerana dalam pertukangan mementingkan sudut tepat iaitu 90 darjah ataupun dipanggil *squared* dan digabungkan dengan huruf nama sendiri jadinya 'R squared' or RR. Manakala *catio* bererti rumah kucing kerana itu merupakan pasaran terbesar dan *smith* pula bermaksud tukang dan apabila dicantumkan menjadi RR Catosmith. Pembuatan rumah haiwan peliharaan ini turut dibantu oleh empat tenaga pekerja tempatan termasuk beliau sendiri.

Baru-baru ini, RR Catosmith telah diberi peluang menyertai Ekspo Produk Tempatan yang berlangsung di Dewan 1 dan 2, BRIDEX, Jerudong yang merupakan platform bagi pengusaha-pengusaha tempatan dalam mempromosikan dan meluaskan lagi pasaran produk mereka secara langsung kepada pembeli, sekali gus mengetengahkan dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai produk / barang yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan; memberikan peluang kepada pengusaha untuk menjana pendapatan; dan memberikan peluang untuk *networking* dan *business matching* dengan pengusaha lain.

Melalui ekspo tersebut ia memberi peluang dan juga ruang kepada Awang Muhammad Ramzi bertemu pelanggan-pelanggan yang berkunjung ke ekspos tersebut.

Menurut Awang Muhammad Ramzi lagi rata-rata pengunjung yang hadir ke ekspos tersebut berasa teruja dan kagum kerana tidak menyangka adanya perkhidmatan atau servis profesional pembuatan rumah haiwan peliharaan terutamanya kucing dan haiwan-haiwan lainnya dengan kualiti yang bertaraf antarabangsa.

"Mengikuti kehendak pasaran negara, saya tidak menyangka bahawa ramai yang berminat untuk mendapatkan servis pembuatan rumah haiwan peliharaan di Brunei. Bukan sahaja servis pembuatan rumah haiwan, saya turut menerima tempahan membuat perabot, kabinet dapur dan sebagainya yang berkaitan dengan pertukangan kayu. Kesemua bahan kayu adalah merupakan sumber tempatan".

"Trend hari ini menuntut seorang tukang kayu tampil dengan idea-idea moden dalam mereka bentuk dan penghasilan sesebuah perabot. Oleh yang demikian, saya masih menimba ilmu dan sentiasa belajar pelbagai perkara baharu antaranya melalui YouTube," ujarnya.

Tambahnya pula masa depan dalam bidang pertukangan kayu ini cukup cerah dan apa yang penting ialah untuk kita mengasah bakat dan mempunyai kemahiran kerana jika produk yang dihasilkan menarik, kemas dan teliti, sudah pasti pelanggan suka dan akan terus mendapat tempahan daripada para pengguna / pelanggan dari semasa ke semasa.

Dalam melibatkan diri di bidang perniagaan ini, sudah setentunya kita juga akan menghadapi liku-liku kemanisan dan

kesukaran dan antara kesukaran tersebut apabila beliau berhadapan dengan masalah sumber kewangan kerana sewa kedai yang sangat tinggi.

"Sepanjang tiga tahun menjalankan perniagaan BND40,000 (hasil 50 peratus) habis kepada pembayaran sewa dan menyukarkan untuk membeli mesin pertukangan baharu dan membuat pinjaman kewangan kepada bank," jelas beliau.

Ujarnya lagi, antara kata-kata yang menjadi pemangkin semangat untuk terus maju ke hadapan ialah '*A single issue to solve will make you one step wiser*' dan '*Sesusah mana pun sesuatu kerja itu akhirnya akan siap jua' serta '*Susah tidak akan selamanya susah, dan senang tidak akan selamanya senang'*'.*

Masa depan negara terangnya lagi terletak kepada keupayaan serta peranan golongan belia dalam memastikan pembangunan negara sentiasa terjamin selaras dengan usaha negara untuk melestarikan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), menanai konsep Negara Zikir di samping merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

"Cabar diri awda dan letakkan tanda kewujudan awda dalam buku sejarah awda. Jangan berpuas hati dengan apa yang diperoleh dan dicapai. Setiap orang mempunyai pengakhiran mereka sendiri untuk perjalanan mereka, tetapi awda sendiri yang memutuskan sama ada ia berbaloi atau tidak. Jangan takut gagal, kerana ia membantu untuk menjadi lebih baik ke hadapan," tegas Awang Muhammad Ramzi.

Untuk sebarang pertanyaan atau tempahan, bolehlah melayari akaun Instagram @rr_catosmith.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Disember. - Indeks Volum Eksport pada suku ketiga (Q3) 2024 meningkat sebanyak 14.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan Indeks Volum Eksport Bahan-bahan Mentah yang Tidak Boleh Dimakan (26.9 peratus), Jentera dan

Lelaki dikehendaki bantu siasatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) meminta kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang lelaki yang dikehendaki untuk membantu siasatan.

Menurut kenyataan berkenaan, lelaki tersebut ialah Adi Farid Riswandi bin Idris, warga tempatan dengan nombor Kad Pengenalan 00-318378 (Kuning).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi ke Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 490 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis berdekatan.

ADI Farid Riswandi bin Idris, warga tempatan dengan nombor Kad Pengenalan 00-318378 (Kuning).

Kelengkapan Pengangkutan (16.9 peratus) dan Bahan Api Galian (15.4 peratus).

Walau bagaimanapun, Indeks

Nilai Unit Eksport menurun sebanyak 4.9 peratus menyebabkan penurunan nilai eksport daripada BND4,092.4 juta kepada BND3,600.9 juta.

Penurunan Indeks Nilai Unit Eksport adalah disebabkan oleh penurunan sebanyak 18.5 peratus dalam Indeks Pelbagai Barang Keluaran Kilang yang didorong oleh penurunan nilai unit instrumen dan peralatan profesional, saintifik dan kawalan. Ini diikuti oleh penurunan sebanyak 7.2 peratus dalam Indeks Barang-barang Keluaran Kilang dan 6.1 peratus dalam Indeks Bahan-bahan Kimia.

Indeks Nilai Unit Import mencatatkan penurunan sebanyak 6.8 peratus berbanding tahun sebelumnya, menyebabkan penurunan jumlah nilai import daripada BND2,624.5 juta kepada BND2,383.3 juta. Ini adalah disumbangkan oleh penurunan Indeks Barang-barang Keluaran Kilang (22.5 peratus), Bahan Api Galian (9.8 peratus) dan Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (0.4 peratus).

Indeks Volum Import pada Q3 2024 menurun sebanyak 1.1 peratus terutamanya disebabkan oleh penurunan 10.1 peratus

**Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

Suku tahun	Q3 2023	Q3 2024	Perubahan (%)
Jumlah Eksport (BND Juta)	4,092.4	3,600.9	-12.0
Indeks Nilai Unit Eksport	125.5	119.4	-4.9
Indeks Volum Eksport	58.5	66.9	14.4

Suku tahun	Q3 2023	Q3 2024	Perubahan (%)
Jumlah Import (BND Juta)	2,624.5	2,383.3	-9.2
Indeks Nilai Unit Import	128.2	119.5	-6.8
Indeks Volum Import	111.8	110.6	-1.1

Indeks Bahan Api Galian didorong oleh penurunan volum produk petroleum dan bahan berkaitan. Ini diikuti oleh penurunan Indeks Volum Bahan-bahan Kimia sebanyak 8.0 peratus dan Barang-barang Keluaran Kilang sebanyak 6.0 peratus.

Indeks Perdagangan Barang Antarabangsa (IMTI) menunjukkan perubahan nilai unit dan kuantiti komoditi import dan eksport di

Negara Brunei Darussalam dalam tempoh tertentu. Indeks ini juga bermanfaat untuk membuat analisa pasaran global yang berdaya saing dalam mengukur dan membuat unjuran inflasi dan penyusunan akaun negara.

Laporan penuh IMTI bagi Q3 2024 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.

Tudung ‘stylist’ membantu wanita dalam penggayaan tudung



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan @feenordinwithpins

TUDUNG stylist atau penggaya tudung adalah individu yang memiliki kemahiran dalam mengubah tudung secara kreatif dengan pelbagai teknik dan reka bentuk. Dalam perkembangan era fesyen masa kini, peranan tudung stylist semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu kerana ia membantu wanita untuk tampil sopan lebih anggun dan menawan. Tudung yang digayakan dengan rapi boleh meningkatkan keyakinan diri seseorang terutama pada majlis perkahwinan, acara rasmi maupun penampilan sehari-hari. Tudung bukan sekadar untuk menutup kepala tetapi juga melambangkan kesopanan dan identiti seorang wanita Muslimah.

Trend tudung terkini menawarkan pelbagai pilihan gaya seperti tudung bawal, selendang atau turban. Setiap jenis tudung hadir dengan ciri tersendiri yang membolehkan pemakai menyesuaikan penampilan mengikut acara atau suasana. Sebagai contoh, tudung bawal sering menjadi pilihan kerana mudah dipakai manakala selendang pula memberikan kebebasan untuk mencipta gaya lilitan yang lebih kreatif.

Dalam kehidupan harian, wanita sering menghadiri pelbagai bentuk acara seperti majlis perkahwinan, majlis keagamaan atau mesyuarat rasmi. Setiap acara memerlukan penampilan yang sesuai dan tudung stylist membolehkan wanita menyesuaikan penggayaan tudung mengikut tema acara tersebut.

Wanita yang menghadapi masalah seperti tudung tidak terletak kemas, sukar dipakai atau tidak sesuai dengan bentuk wajah boleh mendapatkan bantuan daripada tudung stylist dan memastikan tudung bukan sahaja kelihatan menarik tetapi juga selesa untuk dipakai sepanjang hari.

Dalam majlis perkahwinan, tudung

pengantin bukan sahaja menjadi pelengkap kepada pakaian, tetapi juga elemen penting dalam busana pengantin. Tudung pengantin sering direka dengan menampilkan gaya yang begitu eksklusif, anggun dan sopan. Majlis perkahwinan biasanya akan berlangsung sepanjang hari yang mengharuskan pengantin perempuan kelihatan cantik dan kekal selesa. Peranan tudung stylist di sini adalah untuk memastikan tudung yang digayakan tidak terlalu ketat, panas dan mudah bergerak. Mereka hendaklah menggunakan teknik yang memastikan tudung terletak kemas tanpa mengganggu pergerakan pengantin.

Antara tanggungjawab utama tudung stylist adalah menyesuaikan tudung dengan busana yang dipakai. Sebagai seorang tudung stylist, perlu memastikan warna, tekstur dan rekaan tudung serasi dengan busana pengantin. Ini termasuk pemilihan bahan seperti satin, sifon atau lace yang sering digunakan untuk hiasan tudung

pengantin. Setiap bentuk wajah memerlukan gaya tudung yang berbeza. Tudung stylist akan memastikan tudung digubah dengan teknik tertentu seperti lipatan tudung yang kemas atau pemasangan pin tudung di tempat yang betul.

Selain aspek penampilan, tudung stylist juga menitikberatkan keselesaan pemakai. Dengan memilih bahan yang sesuai dan penggayaan yang tidak terlalu rumit, tudung boleh dipakai dengan mudah dan selesa

sepanjang hari.

Seorang tudung stylist bukan sahaja membantu wanita untuk tampil lebih cantik tetapi juga memberikan nilai tambah dari segi keyakinan diri. Peranan mereka teramatlah penting di era di mana pelbagai jenis tudung yang muncul. Ini kerana dengan bantuan mereka, dapat memudahkan lagi urusan wanita dalam menggaya tudung dengan pelbagai gaya dan kekal tampil berseri dalam apa jua majlis yang dihadiri.





JUMLAH IMPORT EKSPORT BARANGAN CHINA NAIK 4.9 PERATUS 11 BULAN PERTAMA

BEIJING, 12 Dis. - Jumlah import dan eksport barangan China mencapai RMB39.79 trilion (RM24.3 trilion) dalam 11 bulan pertama tahun ini, naik 4.9 peratus tahun ke tahun.

Antaranya eksport menokok 6.7 peratus manakala import naik 2.4 peratus, menurut data statistik yang diumumkan Pentadbiran Kastam Am China, pada Selasa.

Dalam tempoh itu, eksport produk

mekanikal dan elektrik yang berteknologi tinggi berjumlah RMB13.7 trilion, mewakili hampir 60 peratus daripada keseluruhan eksport.

China bukan sahaja membekalkan produk bermutu dengan harga berpatutan kepada seluruh dunia, malah juga meluaskan

pengimportan untuk berkongsi pasaran gergasi di negara ini dan peluang baharu dengan dunia.

Dalam 11 bulan pertama 2024, pengimportan produk tenaga dan mineral China masing-masing bertambah sebanyak 6.3 peratus dan 4.3 peratus, sementara pengimportan produk mekanikal dan

elektrik mencapai RMB6.35 trilion, iaitu menokok sebanyak 7.5 peratus.

Dalam tempoh yang sama, jumlah import dan eksport China ke negara-negara yang terlibat dalam Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) mencapai RMB18.74 trilion, naik 6 peratus, antaranya pengimportan RMB8.22 trilion, naik 3.4 peratus.

Berikutnya langkah China meluaskan perdagangan luar,

- ©BERNAMA pengguna di negara ini mempunyai lebih banyak pilihan, manakala syarikat asing juga boleh memperoleh peluang dan dividen daripada pasaran China.

Pertumbuhan perdagangan luar China yang mantap mencerminkan ekonomi China yang berdaya tahan dan dinamik, sekali gus boleh membawa lebih banyak faedah dan faktor penentu kepada dunia.

- ©BERNAMA

Letusan Gunung Berapi Kanlaon, hampir 12,000 keluarga terjejas

MANILA, 12 Dis. - Letusan Gunung Berapi Kanlaon di Pulau Negros baru-baru ini menjelaskan 11,791 keluarga, lapor Agensi Berita Filipina (PNA) memetik Majlis Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Kebangsaan (NDRRMC) pada Khamis.

Dalam laporan terbaharu, agensi

bencana itu mendedahkan jumlah berkenaan melibatkan 40,489 orang di 25 barangay di Visayas Barat dan Visayas Tengah.

Setakat ini, seramai 4,630 keluarga atau 15,334 orang telah ditempatkan di 27 pusat pemindahan, manakala 677 keluarga atau 2,522 orang

menerima bantuan di luar pusat pemindahan.

Jabatan Kebajikan Sosial dan Pembangunan, pihak berkuasa tempatan dan organisasi bukan kerajaan menyediakan bantuan bernilai PHP6.43 juta kepada keluarga yang terjejas.

- ©BERNAMA

Singapura : Laluan Imigresen Kod QR untuk penumpang bas mulai 16 Dis

SINGAPURA, 11 Dis. - Laluan imigresen menggunakan kod QR akan dilaksanakan secara berperingkat di semua lorong automatik dan Lorong Bantuan Khas (SAL) di bas di pusat pemeriksaan darat Singapura, bermula dengan Pusat Pemeriksaan Tuas pada 16 Dis.

Pihak Berkuasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan Singapura (ICA) berkata pelaksanaan penuh di kedua-dua pusat pemeriksaan darat (Tuas dan Woodlands) disasarkan untuk selesa menjelang pertengahan Januari 2025.

"Dengan pelaksanaan penuh laluan imigresen kod QR di bas, ICA akan melengkapkan inisiatif laluan imigresen tanpa pasport bagi semua jenis pengangkutan di pusat pemeriksaan darat," menurut ICA dalam kenyataan pada Rabu.

ICA mula memperkenalkan laluan kod QR untuk pengguna kereta pada 19 Mac, diikuti oleh pemandu bas pada 15 April, penunggang motosikal serta pemborceng mereka pada 15 Ogos dan pemandu kenderaan kargo bersama pembantu mereka pada 30 Ogos.

Sehingga 1 Dis, hampir 28 juta pengguna menggunakan kod QR untuk laluan imigresen di pusat pemeriksaan darat, tambahnya.

ICA menyatakan bahawa semua penumpang bas, termasuk pengguna kerusi roda dan kumpulan keluarga sehingga empat orang, boleh menggunakan laluan kod QR di bas.

Bagaimanapun, pelawat asing kali pertama dan mereka yang masuk semula ke Singapura menggunakan pasport berbeza daripada perjalanan sebelumnya perlu menunjukkan pasport mereka. Mereka akan dapat menggunakan kod QR untuk perjalanan berikutnya.

"Mereka yang menggunakan kod QR kumpulan perlu memastikan butiran pasport yang disimpan dalam kod QR kumpulan selaras dengan individu yang ingin melalui imigresen," menurut kenyataan itu.

Pengguna juga digalakkan menggunakan aplikasi mudah alih MyICA untuk memaparkan kod QR mereka, berbanding bergantung kepada salinan bercetak atau tangkap skrin.

Sementara itu, ICA akan meluaskan pelaksanaan laluan

tanpa token ke pusat pemeriksaan laut di Marina Bay Cruise Centre Singapore (MBCCS) bermula 16 Dis.

"Penduduk Singapura (Warganegara, Penduduk Tetap dan Pemegang Pas Jangka Panjang) yang tiba dan berlepas dari MBCCS boleh melalui imigresen hanya menggunakan biometrik wajah dan iris mereka tanpa perlu menunjukkan pasport," jelas ICA.

Namun, pelawat asing hanya akan menikmati kemudahan sama semasa berlepas dari Singapura.

ICA berkata ia akan melaksanakan laluan tanpa token secara berperingkat di pusat pemeriksaan laut lain.

Laluan tanpa token telah dilaksanakan di semua terminal di Lapangan Terbang Changi sejak 30 Sept, mengurangkan purata masa pemeriksaan daripada 25 saat kepada 10 saat bagi setiap pengembara.

ICA mengingatkan pelawat bahawa mereka masih perlu membawa pasport kerana ia mungkin diperlukan untuk pemeriksaan imigresen di negara destinasi atau pengesahan oleh agensi. - ©BERNAMA

Kebakaran besar landa selatan California

LOS ANGELES, 11 Dis. - Kebakaran besar yang melanda Malibu, California kini merebak ke kawasan seluas lebih 2,200 ekar (8.9 kilometer persegi) pada Selasa, memaksa pemindahan penduduk, lapor Xinhua.

Kebakaran yang dinamakan Franklin Fire dilaporkan bermula pada malam Isnin berhampiran Taman Negeri Malibu Creek di Daerah Los Angeles.

Sebagai langkah pencegahan, bekalan elektrik kepada puluhan ribu penduduk telah dihentikan pada malam Isnin.

Tindakan itu diambil bagi mengurangkan risiko angin kencang yang boleh merosakkan peralatan elektrik dan

mencetuskan kebakaran, menurut laporan media tempatan.

Jabatan Perhutanan dan Perlindungan Kebakaran California (Cal Fire) mengeluarkan arahan pemindahan, manakala kawasan kebakaran kini ditutup kepada orang awam.

Syerif Daerah Los Angeles, Robert Luna berkata kira-kira 18,000 penduduk berada di bawah arahan atau amaran pemindahan pada Selasa.

Beliau turut memaklumkan bahawa beberapa pusat perlindungan telah disediakan untuk penduduk yang terjejas.

Cal Fire turut menggesa penduduk untuk sentiasa memantau perkembangan cuaca

dan kebakaran di kawasan masing-masing serta bersiap sedia untuk berpindah jika diarahkan.

Menurut laporan terkini Cal Fire, kebakaran itu masih aktif dan belum dapat dikawal sepenuhnya.

Keadaan angin dan cuaca dijangka hanya akan bertambah baik pada Rabu petang, menurut Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan (NWS) AS.

Berikutnya kebakaran yang berterusan serta kebimbangan keselamatan, pihak berkuasa bandar Malibu menutup semua sekolah pada Selasa, manakala lebih 60,000 pengguna di California dilaporkan terputus bekalan elektrik, menurut PowerOutage.us. - ©BERNAMA

Sarawak sasar 609,000 pelancong Indonesia pada 2025

JAKARTA, 11 Dis. - Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) menyasarkan ketibaan 609,000 pelancong dari Indonesia ke Sarawak pada tahun depan, didorong oleh daya tarikan gabungan unik budaya, pengembaraan, alam semula jadi, makanan, dan perayaan yang ditawarkan.

Pengarah Pemasaran Domestik dan ASEAN STB, Barbara Benjamin Atan berkata pihaknya menyasarkan 580,000 pelancong Indonesia tahun ini, dengan Sarawak menerima 540,000 pelancong setakat Oktober lalu.

"Kami giat mempromosikan kempen baharu, 'Gateway to Borneo', yang bertujuan menyerlahkan keunikian dan pengalaman unik negeri ini," katanya pada sesi taklimat media di Jakarta Barat, Rabu. Kempen itu dianjurkan dengan kerjasama Tourism Malaysia Jakarta dan AirAsia, selain kerjasama rapat dengan Persatuan Ejen Pelancongan Indonesia (ASTINDO) dan Persatuan Pengusaha Pelancongan dan Perjalanan Indonesia (ASITA).

Barbara menjelaskan matlamat utama kempen itu adalah untuk menjadikan Sarawak sebagai destinasi pelancongan utama bersama Brunei, Sabah (Malaysia), dan Kalimantan (Indonesia).

"Pelancong boleh mulakan perjalanan mereka di ibu negeri Sarawak, Kuching, sebelum meneroka destinasi lain di seluruh Sarawak dan Pulau Borneo," katanya.

Sarawak dikenali dengan kepelbagai etnik yang unik, melibatkan 34 kumpulan etnik, masing-masing dengan budaya tersendiri.

Selain itu, Sarawak juga memiliki dua Tapak Warisan Dunia UNESCO iaitu Taman Negara Mulu dan Taman Negara Niah, menjadikannya destinasi wajib dikunjungi.

Beliau turut berkata bahawa terdapat penerbangan terus ke beberapa bandar di Sarawak seperti Kuching, Miri, dan Bintulu dari bandar-bandar seperti Jakarta, Brunei, Singapura dan terutama sekali Kuala Lumpur.

"Saya berharap AirAsia dan syarikat penerbangan lain akan memperkenalkan laluan baharu, yang akan meningkatkan kebolehpakaihan dan menarik lebih ramai pelawat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Hal Ehwal Sarawak AirAsia Bhd Hamdan Mohamad berkata syarikat penerbangan itu merancang untuk melancarkan laluan baharu dari Kalimantan dan sebuah bandar di Jawa.

"Perbincangan masih dijalankan, tetapi kami akan membuat pengumuman rasmi sebaik sahaja keputusan dimuktamadkan," katanya. - ©BERNAMA

Amazon lancar platform jualan kereta dalam talian

SAN FRANCISCO, 11 Dis. - Gergasi e-dagang Amazon kini melangkah ke industri automotif dengan memperkenalkan Amazon Autos, sebuah platform jualan kereta dalam talian yang membolehkan pelanggan mencari dan membeli kereta baharu, trak serta SUV daripada pedagang terpilih.

Menurut kenyataan Amazon pada Isnin, inisiatif ini dimulakan bersama Hyundai di 48 bandar utama di Amerika Syarikat termasuk Atlanta, Boston, Chicago, Los Angeles dan New York.

Amazon turut merancang untuk meluaskan perkhidmatan ini ke lebih banyak bandar serta menambah jenama automotif baharu menjelang 2025.

Selain itu, pilihan pajakan dan pembiayaan yang lebih komprehensif juga akan diperkenalkan tahun depan.

Melalui Amazon Autos, pelanggan dapat mencari kenderaan berdasarkan model, variasi, warna dan ciri tertentu yang ditawarkan oleh pengedar.

Pembeli turut berpeluang mendapatkan pembiayaan dan menandatangani dokumen secara elektronik di laman berkenaan.

Setelah proses pembayaran diselesaikan, pelanggan boleh menjadualkan tarikh untuk mengambil kenderaan mereka di pengedar berdaftar.

Amazon memberi jaminan bahawa harga yang dipaparkan semasa daftar keluar adalah harga akhir, merangkumi semua cukai dan yuran yang dikenakan. - ©BERNAMA

PERDANA MENTERI BAHARU PERANCIS DIJANGKA DIUMUMKAN PADA JUMAAT

PARIS, 13 Dis. - Pejabat Presiden Emmanuel Macron mengesahkan bahawa Perdana Menteri baharu Perancis akan diumumkan pada Jumaat, lapor Agensi Berita Jerman dpa.

Donkey Kong Country kini tarikan baharu di Universal Studios Japan

FUKUOKA, 13 Dis. - Taman tema Universal Studios Japan (USJ) di Osaka kini menampilkan kawasan bertemakan Donkey Kong pertama di dunia, berdasarkan siri permainan popular Nintendo Co., dengan matlamat menarik lebih ramai pengunjung tempatan dan antarabangsa.

Menurut laporan Agensi Berita Kyodo, kawasan baharu yang dinamakan Donkey Kong Country ini dibuka pada Rabu dan memperluaskan kawasan Super Nintendo World sedia ada sebanyak 70 peratus.

Kawasan itu menampilkan tarikan realiti tambahan dengan watak-watak terkenal seperti Mario.

Menyerupai suasana hutan iaitu kediaman watak Donkey Kong dan rakan-rakannya, kawasan ini menyediakan tarikan seperti menaiki kereta lombong, yang membawa pengunjung menyertai pengembalaan melindungi Golden Banana daripada

Pengumuman ini dibuat lebih seminggu selepas kejatuhan kerajaan yang dipimpin Michel Barnier, dengan Macron dijangka memilih tokoh yang mampu menyatukan pelbagai pihak,

meskipun laporan media menunjukkan tiada calon utama yang menonjol.

Nama François Bayrou, 73, ahli politik berhaluan tengah-kanan, kerap disebut oleh penganalisis

selepas Macron mengadakan rundingan dengan semua parti kecuali kumpulan sayap kiri dan kanan ekstrem dalam usaha membentuk kerajaan yang lebih inklusif.

Bagaimanapun, sekiranya Bayrou dipilih, timbul persoalan sama ada beliau mampu membentuk majoriti yang stabil untuk mentadbir, memandangkan beliau mungkin menghadapi cabaran sama seperti Barnier.

Selain Bayrou, beberapa nama lain turut disebut termasuk bekas Perdana Menteri Bernard Cazeneuve, bekas Menteri Pertahanan Sébastien Lecornu,



dan bekas Menteri Pengagihan Catherine Vautrin.

Barnier sebelum ini disingkirkan oleh pembangkang selepas hanya tiga bulan memegang jawatan, berikutan pertikaian mengenai belanjawan berjimat cermat.

Macron kini berdepan tekanan berikutan kejatuhan kerajaan selepas pilihan raya awal yang membawa padah.

Parti pembangkang bahkan menuntut Macron meletak jawatan di tengah-tengah krisis politik dan ekonomi, dengan belanjawan 2025 masih belum diluluskan oleh Parlimen. - ©BERNAMA

Denmark komited sokong peralihan hijau Malaysia - Menteri Luar Denmark

KUALA LUMPUR, 13 Dis. - Denmark menegaskan komitmennya dalam menyokong peralihan hijau Malaysia melalui perkongsian pengetahuan, kerjasama erat antara sektor awam dan swasta serta pelaburan, kata Menteri Luar Denmark, Lars Løkke Rasmussen.

Beliau berkata syarikat-syarikat Denmark bersedia untuk menyumbang melalui penyelesaian hijau Denmark kepada Malaysia, menerusi penubuhan 'Green Transition Alliance' yang akan menjadi sebahagian daripada strategi masa depan Denmark di negara ini.

"Perikatan ini bertujuan menyokong peralihan hijau Malaysia dengan menghimpuinkan pemimpin hijau, pengalaman Denmark dalam peralihan hijau, serta pihak berkepentingan tempatan untuk meneroka peluang kerjasama awam-swasta," katanya pada Majlis Resepsi Pembukaan Semula Rasmi Kedutaan Denmark di Malaysia, di sini, malam Rabu.

Rasmussen turut menekankan

kehadiran kukuh syarikat Denmark di Malaysia, terutamanya dalam sektor tenaga boleh diperbaharu, bahan api hijau, kecekapan tenaga, serta pengurusan air dan sisa.

Menerusi satu hantaran di Facebook, Kedutaan Denmark di Kuala Lumpur memaklumkan bahawa Rasmussen melancarkan 'Green Transition Alliance' semasa lawatan dua hari beliau bagi memperkuatkan kerjasama dalam peralihan hijau.

Platform ini akan memberikan peluang kepada syarikat Denmark untuk mempamerkan penyelesaian mereka, sekali gus membantu Malaysia mencapai matlamat karbon neutral menjelang 2050, menurut hantaran itu.

Dalam ucapannya, Rasmussen juga menyoroti sejarah panjang kerjasama antara Malaysia dan Denmark dalam pembangunan mampan, bermula dengan Program Alam Sekitar Danida pada 1990-an hingga 2010, dan kini diteruskan melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang Makanan dan Pertanian.

Berhubung pembukaan semula Kedutaan Denmark di Malaysia, beliau menyifatkan langkah itu sebagai simbol kesungguhan Denmark untuk memperkuatkan hubungan dua hala, meneroka potensi besar, serta memperluas kerjasama antara kedua-dua negara.

"Malaysia terlalu penting, terlalu penting untuk kami tidak berada di sini," katanya.

Kedutaan Denmark di sini ditutup pada 2021 sebelum beroperasi semula pada Ogos tahun ini.

Antara Januari hingga Oktober 2024, jumlah perdagangan Malaysia dengan Denmark meningkat sebanyak 12.9 peratus kepada RM2.19 bilion (US\$1=RM4.45), berbanding tempoh sama pada 2023.

Sehingga Jun 2024, terdapat lebih 100 syarikat Denmark di Malaysia dengan nilai pelaburan melebihi RM2.2 bilion dalam sektor pembuatan, yang turut mewujudkan 5,024 peluang pekerjaan, menurut Kementerian Luar Negeri. - ©BERNAMA

WFP rayu dana segera untuk bantu jutaan penduduk di Syria

GENEVA, 13 Dis. - Program Makanan Sedunia (WFP) merayu dana segera bagi memperluaskan operasi bantuan kepada 2.8 juta rakyat yang terjejas dan berdepan krisis makanan di Syria, lapor Agensi Berita Emiriah (WAM).

WFP memaklumkan bahawa pertempuran terbaru telah menyebabkan ratusan ribu penduduk hilang tempat tinggal, sekali gus memburukkan lagi situasi keterjaminan makanan yang sudah pun kritikal.

Keperluan kemanusiaan terus meningkat ketika Syria melalui fasa peralihan politik, menurut kenyataan WFP pada Khamis.

"Pada waktu yang genting ini, kita perlu memastikan bahawa golongan paling terkesan menerima makanan dan bantuan

yang diperlukan.

"Kami amat memerlukan sokongan penderma bagi mengekalkan semua operasi kami di seluruh negara."

"Rakyat Syria kini berpeluang untuk memulakan hidup baharu dan kita tidak boleh membiarkan kelaparan menghalang mereka," kata Pengarah Negara WFP di Syria, Kenn Crossley.

Sejak krisis semasa bermula, WFP bertindak pantas dengan menyediakan catuan makanan siap dimakan, bakul makanan, serta hidangan segar dan panas kepada hampir 70,000 penduduk yang hilang tempat tinggal di seluruh Syria.

Selepas pergolakan dan ketidakstabilan yang berlangsung selama beberapa hari, perkhidmatan pengagihan

makanan dan hidangan panas juga disambung semula untuk penduduk di Homs, Aleppo, Raqqa dan Al-Hasakah.

Hampir 14 tahun konflik bersenjata telah menjadikan kehidupan harian rakyat Syria sangat rapuh.

Pada awal tahun ini, 12.9 juta orang dilaporkan mengalami krisis makanan, manakala bantuan kemanusiaan semakin merosot akibat kekurangan dana.

Pada masa ini, laluan bekalan terjejas, harga makanan melambung tinggi dan mata wang Syria terus merosot.

Barangan keperluan seperti beras, gula, dan minyak semakin sukar didapati, sementara harga roti turut meningkat mendadak. - ©BERNAMA

MANILA, 13 Dis. - Tiga pengakap maut dan 12 lagi cedera selepas terkena renjatan elektrik pada pagi Khamis ketika memindahkan khemah di sebuah tapak perkhemahan di Zamboanga City, selatan Filipina, menurut laporan polis, lapor Xinhua.

Ketua Polis Zamboanga City Kolonel Polis Kimberly Molitas berkata kepada pemberita bahawa kemalangan itu berlaku apabila hujung logam khemah menyentuh kabel elektrik hidup.

Kemalangan yang berlaku sekitar pukul 9 pagi waktu tempatan itu mengorbankan pengakap senior berusia 17, 18, dan 22 tahun.

Pengajur meminta para pengakap memindahkan khemah terabit sebelum majlis pembukaan perkhemahan untuk menyediakan tempat teduh kepada peserta.

Insiden tragis itu menyebabkan pengajur membatalkan jambori pengakap selama empat hari yang dirancang dengan penyertaan lebih 2,000 orang. - ©BERNAMA

Tujuh maut dalam kebakaran hospital di Tamil Nadu, India

NEW DELHI, 13 Dis. - Sekurang-kurangnya tujuh orang dilaporkan maut manakala ramai lagi cedera dalam insiden kebakaran di sebuah hospital di Dindigul, Tamil Nadu, India pada malam Khamis.

Kebakaran dipercayai tercusus akibat litar pintas di kawasan kaunter penyambut tetamu di tingkat bawah sebelum merebak ke tingkat lain di hospital empat tingkat itu, lapor media tempatan.

"Setakat ini, dua mangsa disahkan rentung manakala tiga lagi maut akibat lemas. Dua lagi dipercayai terkorban dalam kebakaran," kata seorang pegawai polis seperti yang dipetik dalam laporan di laman sesawang Free Press Journal.

Kira-kira 20 orang cedera dalam kejadian itu, manakala berpuluhan-puluhan pesakit telah dipindahkan ke hospital lain untuk mendapatkan rawatan. - ©BERNAMA

Lula mahu tanding semula pilihan raya presiden 2026

BRASILIA, 13 Dis. - Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva akan bertanding semula dalam pilihan raya presiden pada 2026, menurut Setiausaha Komunikasi Sosial Presiden, Paulo Pimenta pada Khamis.

Dalam wawancara bersama CNN Brasil, Pimenta memberi jaminan bahawa Lula berada dalam keadaan sihat selepas menjalani perubatan untuk merawat pendarahan otak pada Selasa dan Khamis, lapor Xinhua.

Beliau menyifatkan Lula sebagai "individu paling layak dan bersedia" untuk terus memimpin negara.

Menurut pasukan perubatannya, beliau tidak akan mengalami sebarang kesan sampingan dan dibenarkan keluar hospital awal minggu depan.

"Presiden Lula berada dalam keadaan sangat baik. Ini adalah prosedur yang mudah. Presiden Lula seorang yang menjaga dirinya dengan baik, menunjukkan disiplin yang tinggi dan sangat memahami Brazil."

"Saya tidak ragu-ragu bahawa Presiden Lula adalah individu paling layak dan mampu. Beliau pasti akan menjadi calon kami pada 2026 untuk meneruskan matlamat kami," kata Pimenta.

Dalam wawancara yang disiarkan, Pimenta turut mengecam pihak pembangkang yang menyebarkan kabar angin tidak berasas mengenai keadaan kesihatan presiden. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



EKSPEDISI BASIKAL AMAL PAMER SEMANGAT KESUKANAN



EKSPEDISI Basikal Amal bertujuan untuk menggalakkan kecergasan, kesejahteraan dan kesedaran alam sekitar melalui berbasikal selain melibatkan komuniti setempat di sepanjang laluan dan menggalakkan penyertaan belia.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Cycle Life

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Disember. - Ekspedisi Basikal Amal yang diterajui oleh dua penunggang tempatan iaitu Pengiran Md. Khairuddin bin Pengiran Abu Bakar dan Awang Amiruddin bin Haji Mohamad Amir yang berkayuh sejauh lebih 1,000km berjalan dengan jayanya.

Perjalanan ekspedisi yang bermula sejak 6 Disember lalu telah bertolak dari Cycle Life di Kampung Lambak Kanan dan seterusnya merentasi beberapa perhentian iaitu di Miri, Bekenu, Bintulu, Sibu, Betong, Kuching dan seterusnya kembali semula ke Miri dan kemudiannya ke Negara Brunei Darussalam.

Selain memberikan inspirasi memupuk ke arah kesihatan melalui sukan basikal, ekspedisi tersebut juga untuk mengumpul

dana dan sumbangan untuk membantu dan menyokong warga Gaza, Palestin.

Sehubungan itu, tabung sumbangan telah disediakan ke tiga lokasi iaitu @roastedsp (Jerudong), @chatterboxkopitiam dan @riscafe.bn bagi kemudahan orang ramai untuk menghulurkan bantuan.

Ekspedisi Basikal Amal bertujuan untuk menggalakkan kecergasan, kesejahteraan dan kesedaran alam sekitar melalui berbasikal selain melibatkan komuniti setempat di sepanjang laluan dan menggalakkan penyertaan belia.

Dengan adanya kutipan dana untuk bantuan kemanusiaan di Gaza ini, ia memberikan bantuan yang sangat diperlukan kepada mereka yang terjejas oleh krisis yang sedang berlaku.

Memancing bantu tingkatkan kemahiran, tenangkan minda

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Disember. - Aktiviti-aktiviti bebas alat elektronik didefinisikan sebagai aktiviti yang tidak menggunakan alatan elektronik yang merangkumi aktiviti seperti berjalan, berlari, berkelah, membaca buku, memancing dan sebagainya.

Ia bertujuan untuk menggunakan masa dengan bermanfaat dan aktif serta mengurangkan kebergantungan terhadap teknologi elektronik seperti komputer, telefon bimbit dan alat peranti lainnya.

Bagi memanfaatkan musim cuti sekolah untuk anak-anak, sebahagian masyarakat di negara ini telah pun merancang untuk mengadakan aktiviti-aktiviti bebas alat elektronik demi mengisi masa yang terluang bersama anak-anak dan ahli keluarga masing-masing.

Salah satu cara untuk mengisi masa cuti dengan melakukan aktiviti bebas alat elektronik ialah dengan memancing. Memancing semasa musim cuti persekolahan adalah aktiviti yang menyeronokkan. Malah, ia boleh mengurangkan tekanan



DENGAN mengadakan aktiviti-aktiviti bebas elektronik seperti memancing, secara tidak langsung ia boleh mengurangkan tekanan (kiri dan kanan).

yang dihadapi oleh para pelajar dan mereka yang mempunyai pekerjaan.

Bahkan, mereka dapat menikmati alam semula jadi dan sekali gus merasai suasana baharu ketika memancing.

Bukan itu sahaja, mereka juga dapat belajar tentang pentingnya keselamatan dan disiplin dalam melakukan suatu aktiviti. Mereka juga dapat mengetahui tentang jenis-jenis ikan dan cara-cara untuk menjaga ekosistem sungai.

Namun demikian, sebelum memancing, mereka hendaklah menyediakan peralatan memancing yang lengkap seperti tali pancing, jaring dan

umpan. Kemudian, memilih kawasan-kawasan yang sesuai untuk memancing seperti sungai, tasik atau pantai.

Semasa memancing pula, mereka juga perlu mematuhi peraturan-peraturan memancing dengan mengelakkan kerosakan ekosistem alam semula jadi dan tidak melampaui batas-batas yang ditetapkan di samping berhati-hati dan menjaga keselamatan diri sendiri serta orang-orang lain yang memancing.

Dengan aktiviti bebas alat elektronik seperti memancing dapat membantu meningkatkan kemahiran mereka seperti ketepatan, ketajaman dan

keberanian selain mengeratkan hubungan di antara ahli keluarga atau rakan-rakan atau penduduk setempat.

Tahukah Awda

EMPAT komposisi teratas sisa pepejal perbandaran yang dilupuskan di tapak pelupusan Kejuruteraan Sungai Paku, Mukim Telisai kebanyakannya terdiri daripada sisa makanan yang mencakupi 32 peratus daripada jumlah sisa yang dilupuskan, diikuti oleh sisa plastik, sisa hijau dan kertas yang masing-masing menyumbang 29 peratus, 11 peratus dan 10 peratus. Dengan keluasan lebih 104 hektar, tapak pelupusan sampah Sungai Paku menerima sisa buangan pada kadar harian 672 tan sehari.

SUMBER : <http://www.env.gov.bn/>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JANGAN KITA ABAIKAN DAN MEMANDANG RENDAH GOLONGAN OKU